



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU**

# **MODUL OASIS**

## **Bahasa Melayu (1103)** **Sijil Pelajaran Malaysia**

**FORMAT BAHARU (KSSM)**

**MENGIKUT TEMA**  
**KERTAS 1**

**SKEMA JAWAPAN**

**BIDANG BAHASA**  
**SEKTOR PEMBELAJARAN**  
**PPD KOTA KINABALU**



## ISI KANDUNGAN

|                                                           |    |
|-----------------------------------------------------------|----|
| TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN.....                       | 2  |
| TEMA: KESELAMATAN.....                                    | 5  |
| TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA.....              | 9  |
| TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN .....    | 12 |
| TEMA: SUKAN DAN REKREASI .....                            | 17 |
| TEMA: SAINS , TEKNOLOGI & INOVASI .....                   | 19 |
| TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN .....          | 22 |
| TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN ..... | 26 |
| TEMA: PERPADUAN .....                                     | 29 |
| TEMA: SEJARAH DAN WARISAN.....                            | 31 |
| TEMA : PERINDUSTRIAN .....                                | 36 |
| TEMA: PENDIDIKAN .....                                    | 39 |
| TEMA: KERJAYA.....                                        | 46 |
| TEMA : POLITIK DAN PENTADBIRAN .....                      | 50 |
| TEMA INTEGRITI.....                                       | 52 |
| TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU .....             | 58 |
| TEMA: PELANCONGAN.....                                    | 61 |
| LAMPIRAN .....                                            | 64 |

## **TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

### **Bahagian A** [30 markah]

#### **Pendahuluan**

- Isu mengenai kematian serta pendermaan organ ialah sesuatu yang sukar untuk diperkatakan.
- Hal ini juga merupakan perkara yang rumit bagi kakitangan perubatan yang sentiasa berusaha untuk menyelamatkan nyawa seseorang pesakit.
- Keputusan untuk mengizinkan penderma organ dan tisu seseorang yang disayangi apabila beliau meninggal dunia, bukan sesuatu yang mudah.

#### **Isi-isi penting:**

1. Menyelamatkan nyawa seseorang
2. Mengubah kehidupan seseorang yang mengalami kegagalan organ menjadi lebih selesa dan sempurna
3. Amalan kemanusiaan

[calon sekurang-kurangnya mengemukakan 3 isi]

#### **Penutup:**

- kempen kesedaran pendermaan organ perlu diperluas agar kesedaran orang ramai meningkat

**BAHAGIAN B**

[ 70 markah ]

**1. DOMAIN AWAM**

Pendahuluan :

Sejak akhir-akhir ini, berbagai-bagai berita yang kita dengar mengenai penyakit-penyakit berbahaya yang menjadi ancaman utama kesihatan penduduk di negara kita, Malaysia. Di antara penyakit-penyakit ini adalah Aids, kanser, penyakit jantung dan juga diabetes. Setelah kempen “Cegah Aids”, “Sayangi Jantung Anda”, dan “Cegah Kanser” dilancarkan, kini tiba pula giliran penyakit diabetes untuk dijadikan topek kempen yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan.

Penyakit ini berlaku apabila aras gula di dalam badan seseorang itu terlalu tinggi.

Isi-isi Penting :

1. Berlebihan berat badan / kegemukan.
2. Tidak bersenam dan gaya hidup tidak aktif.
3. Pemakanan- pengambilan makanan tinggi lemak dan kurang serat.
4. Keturunan- diabetes mempunyai perkaitan yang kuat dalam keluarga.
5. Peningkatan umur.
6. Bangsa – Kaum India mempunyai lebih risiko mendapat diabetes.

Penutup :

Ibarat kata pepatah “ Mencegah lebih baik daripada mengubati”. Oleh itu, kita hendaklah mencegah diabetes ini dari terus meningkat ke tahap maksimum. Diabetes atau kencing manis ialah penyakit seumur hidup yang tidak dapat disembuhkan tetapi boleh dikawal. Jika tidak dirawat, kencing manis akan mengakibatkan tekanan darah tinggi, penyakit buah pinggang, kerosakan saraf, cacat penglihatan, kelemayuh, kudis dan serangan sakit jantung. Untuk itu kita hendaklah mengamalkan hidup yang sihat. Sentiasa bersenam, mengekalkan berat badan yang sesuai dan memakan makanan berzat. Semoga negara kita ini akan terhindar daripada pelbagai penyakit yang menjadi ancaman utama kesihatan penduduk di Malaysia.

[ Calon hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya 5 isi]

**2. DOMAIN PERIBADI****Pendahuluan**

- masalah penyakit berjangkit kian membimbangkan
- Seringkan diremehkan sesetengah orang
- Banyak aktiviti seperti membersihkan rumah dan bergotong-royong untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan lain-lain kepentingannya

**Isi-isi penting**

1. Meningkatkan produktiviti seseorang
2. Mengurangkan bahaya dan risiko penyakit berbahaya
3. Disiplin diri
4. Menonjolkan imej dan perwatakan yang menarik seseorang
5. Mewujudkan suasana indah dan menenangkan diri

**Penutup**

- setiap pihak memainkan perannya penting
- generasi muda harus dititikberatkan dengan kebersihan

**3. DOMAIN PENDIDIKAN****Pendahuluan**

Penyakit nombor satu menjadi ancaman rakyat Malaysia.

Perubahan gaya hidup zaman moden menyebabkan statistik bertambah

Banyak kepentingan

**Isi-isi penting**

1. Amalkan diet jantung sihat
2. Pemeriksaan rutin
3. Berhenti tabiat merokok
4. Hadkan minuman alkohol
5. Rajinkan diri bersenam

**Penutup**

Kesesaran orang ramai penting untuk mengurangkan risiko

**4. DOMAIN KERJAYA****Pendahuluan**

Kerjaya yang kurang mendapat perhatian generasi muda

**Isi-isi penting**

1. Pendidikan akademik peringkat ijazah
2. Pengetahuan pelbagai penyakit kronik, prognosis, ubat, kaedah rawatan, dan tindak balas penyakit terhadap terapi pemakanan perubatan"
3. Tahap hala tuju diri untuk bekerja secara bebas
4. Latihan dalam kawalan kos, pengurusan makanan, terapi pemakanan, dan lain-lain
5. "Keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan dengan kakitangan hospital, doktor, dan pesakit"

**Penutup**

Lebih banyak pendedahkan kepada kerjaya ini melalui pelbagai platform

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: KESELAMATAN****Bahagian A**

Huraikan pendapat anda tentang **sekolah selamat**.

Tema : Sekolah selamat

Tugasan Soalan : Calon diharapkan dapat menulis tentang sekolah selamat

Cadangan Jawaban :

1. Sekolah wajib memenuhi ciri – ciri sekolah selamat iaitu menyediakan alat kawalan kebakaran, pelan kecemasan , kawalan keselamatan dan mengawal selia aspek keselamatan jalan raya pelajar sekolah. Semua bilik khas di sekolah contohnya makmal sains mempunyai peraturan keselamatan yang wajib dipatuhi oleh warga sekolah.
2. Program bercorak sekolah selamat dilaksanakan seperti Program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan ) bertujuan membudayakan selamat dan aspek sejahtera dalam kalangan murid sekolah.
3. Pihak sekolah harus mewujudkan Jawatankuasa Sekolah Selamat yang bertujuan menyediakan peraturan keselamatan sekolah dan lain-lain.

**Bahagian B**

1. Domain Awam

Sebagai respon kepada pernyataan tersebut, jelaskan usaha yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah jenayah siber ini.

Tema : Keselamatan : Jenayah Siber

Tugasan Soalan : Usaha yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah jenayah siber ini.

Cadangan Jawaban :

1. Kerajaan melaksanakan kempen kesedaran tentang jenayah siber.

Kerajaan perlu memberikan kesedaran melalui kempen dan iklan tentang ancaman sebenar jenayah siber yang boleh memudaratkan kehidupan mangsa. Kempen melalui iklan di media cetak mahupun digital perlu diperluas dan boleh dicapai oleh seluruh masyarakat. Pelbagai taktik atau strategi yang dilakukan oleh penjenayah siber untuk menipu mangsa mereka juga perlu didedahkan. Oleh itu, kempen dan pengiklanan adalah penting untuk masyarakat benar-benar memahami dan sekurang-kurangnya mereka dapat mengelakkan daripada menjadi mangsa atau menyedarkan mereka bahawa jenayah siber adalah sangat bahaya kini.

2. Undang-undang sedia ada perlu dikaji keberkesanan oleh penggubal undang-undang.

Pihak kerajaan perlu mengkaji dan mewujudkan undang-undang siber. Pihak berkuasa boleh mengkaji dan memperkenalkan undang-undang siber yang baharu untuk meningkatkan pengawalan siber serta mampu mengurangkan kes jenayah siber . Keselamatan siber menjadi isu topik di masa kini dan menjadi perbualan atau perbincangan di kalangan masyarakat. Oleh itu , ahli yang pakar dalam bidang teknologi perlu diperluas bekerjasama dalam mengatasi atau membendung kes jenayah siber.



3. Masyarakat perlulah berkerjasama dalam membendung atau mengatasi masalah kes jenayah siber.

Masyarakat perlu meningkatkan ilmu teknologi maklumat dan berhati-hati menggunakan peralatan teknologi. Hal ini dapat menyelamatkan kita daripada ancaman siber. Undang-undang siber tidak boleh kita harapkan untuk melindungi kita daripada ancaman jenayah siber. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah untuk melindungi sistem komputer kita sendiri dengan melengkapkan diri kita dengan ilmu tentang komputer. Contohnya kita boleh melindungi sistem komputer kita dengan perisian yang ada di pasaran seperti anti-virus, firewall, pop-up blocker, anti-spyware dan apa-apa saja perisian keselamatan yang lain

4. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memperkenalkan Pendidikan etika penggunaan teknologi maklumat. Pendidikan etika ini boleh dilaksanakan secara merentas kurikulum. Cara dan etika penggunaan peranti elektronik perlu dididik lebih awal lagi supaya penyalahgunaan teknologi dapat dielakkan di peringkat kanak-kanak dan golongan remaja. Pendidikan diperluas bukan setakat di sekolah sahaja malah modul pembelajaran diperluas ke peringkat pendidikan tinggi dan agensi kerajaan serta sektor swasta supaya pekerja terdidik dengan keselamatan siber.

2. Domain Peribadi

Berdasarkan fakta tersebut, huraikan peranan pengguna jalan raya khususnya pengguna motosikal untuk memastikan keselamatan jalan raya terjamin.

Tema : Keselamatan Jalan Raya

Tugasan Soalan : Peranan pengguna jalan raya khususnya pengguna motosikal untuk

memastikan keselamatan jalan raya terjamin.

Cadangan Jawapan :

1. Pengguna jalan raya wajib mematuhi peraturan jalan raya. Peraturan jalan raya telah dipelajari bermula di peringkat sekolah lagi melalui Pendidikan Keselamatan Jalan Raya, semasa kelas memandu di pusat latihan memandu dan iklan pendidikan keselamatan jalan raya yang dipaparkan di televisyen. Antara contoh peraturan spt memakai topi keledar semasa menunggang motosikal, mematuhi had laju yang dibenarkan dan lampu isyarat. Mereka harus dididik tentang keselamatan jalan raya agar mempunyai sahsiah diri yang tinggi sebagai seorang pengguna jalan raya.
2. Pengguna jalan raya juga perlu mempunyai disiplin diri di samping mempunyai sikap tolak ansur yang tinggi untuk mengelakkan sebarang kemalangan daripada berlaku. Pengguna jalan raya juga hendaklah memberi sepenuh tumpuan ketika memandu atau menunggang motosikal dan tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu.
3. Pemakaian helmet atau topi keledar yang sempurna juga sangat penting. Topi keledar perlu diikat dengan betul. Helmet yang sesuai dan selamat wajar menjadi pilihan utama. Pemilihan helmet yang telah diiktiraf oleh SIRIM juga wajar diambil kira walaupun harganya agak mahal sedikit.
4. Pengguna motosikal wajib memastikan motosikal dalam keadaan baik. Lampu depan, lampu belakang, lampu brek dan lampu signal (depan dan belakang) hendaklah selalu diperiksa sama ada masih berfungsi dengan baik atau sudah rosak.

Lampu ibarat nyawa anda ketika menunggang, terutama malam. Lampu yang berfungsi dengan baik dapat membantu pengguna jalan raya lain supaya perasan akan kelibat penunggang motosikal. Penyelenggaraan tayar juga harus dilakukan dari masa ke masa.

5. Pengguna motosikal juga wajib memakai baju cerah terutamanya pada waktu malam. Sebagai alternatif penunggang motosikal disarankan membeli jaket yang mempunyai strip pemantu cahaya atau reflektor supaya kehadiran mereka di jalan raya dapat dikesan dengan mudah..
6. Penunggang motosikal juga perlu cakna akan keselamatan pembonceng. Pembonceng motosikal juga haruslah memakai pakaian keselamatan sepertimana penunggang motosikal agar keselamatan bersama terpelihara.

### 3. Domain Pendidikan

Bincangkan pernyataan tersebut.

Tema : Semangat kesukarelawanan

Tugasan Soalan : Peranan pihak sekolah mendidik golongan remaja tentang kepentingan semangat kesukarelawan

1. Sekolah menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan semangat kesukarelawanan seperti aktiviti bergotong-royong, membersihkan kawasan sekolah, melukis mural dan lain lain. Pelajar dilibatkan dalam semua aktiviti sekolah sebagai petugas dan pembantu guru dalam semua aktiviti sekolah seperti Hari Sukan Sekolah, Hari Pelajar Cemerlang, Hari Kokurikulum dan lain-lain.
2. Sekolah meraikan sambutan Hari Sukarelawan peringkat sekolah setiap tahun. Sambutan bertujuan mendedahkan ikon Sukarelawan negara dan dunia kepada pelajar untuk dijadikan sebagai model/ccontoh – pelajar mendapat maklumat baharu tentang aktiviti sukarelawan- memupuk semangat suka membantu orang lain
3. Pihak sekolah memberikan pengiktirafan kepada pelajar yang aktif dalam aktiviti kesukarelawan peringkat sekolah atau luar sekolah dalam pelbagai bentuk seperti hadiah, dan sijil anugerah – sebagai galakan dan pendorong kepada pelajar – anggapan bahawa aktiviti sukarelawan aktiviti yang penting
4. Kempen kesedaran tentang kepentingan semangat kesukarelawan – objektif kepentingan semangat sukarelawan – pelbagai aktiviti menarik- menjemput ikon sukarelawan negara atau negeri atau orang berpengalaman terlibat dalam aktiviti sukarelawan.
5. Sekolah mewujudkan kelab persatuan berbentuk kesukarelawan – mengadakan aktiviti menarik – terlibat dalam aktiviti sukarelawan di luar sekolah

### 4. Domain Kerjaya

Huraikan peranan dan sumbangan anggota keselamatan negara kepada masyarakat dan negara

Tema : Keselamatan

Tugasan Soalan : Peranan dan sumbangan anggota keselamatan negara kepada masyarakat dan negara



Cadangan Jawapan :

1. Angkatan Pertahanan Awam (APA)
  2. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
  3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
  4. Angkatan tentera
- 
1. Polis bertanggungjawab mengekalkan undang-undang dan ketenteraman awam, mencegah dan mengesan jenayah serta mengumpul risikan keselamatan. Polis juga berhadapan jenayah siber yang merentas sempadan menggunakan teknologi yang canggih.
  2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memadamkan, melawan, mencegah dan mengawal api. Menjaga keselamatan awam dan harta benda jika berlaku kebakaran. Mencegah kebakaran. Menyiasat tentang sebab, punca dan keadaan kebakaran. Melaksanakan perkhidmatan kemanusiaan, termasuk melindungi nyawa dan harta benda dalam sebarang bencana. Memberi nasihat mengenai langkah-langkah perlindungan kebakaran dan bahaya kebakaran. Menjalankan tugas-tugas lain yang mungkin dibebankan ke atas mereka.
  3. Angkatan tentera ialah pihak yang bertanggungjawab terhadap pertahanan nasional. ATM meliputi tiga cabang ketenteraan utama iaitu; Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pemimpin tertinggi Angkatan Tentera Malaysia ialah Panglima Angkatan Tentera.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**

### **BAHAGIAN A**

#### **Cadangan Jawapan Bahagian A**

##### **E-MEL 1**

- **Format** : e-mel
- **Pendahuluan** : Tema Tarian Tradisional
- **Isi**:
  1. Membentuk sahsiah dan jati diri remaja
  2. Berupaya melahirkan individu yang mempunyai gerakan kreatif
  3. Mampu melahirkan individu yang berdisplin tinggi
- **Penutup** : Harapan masyarakat terhadap tarian tradisional

##### **E-MEL 2**

- **Format** : e-mel
- **Pendahuluan** : Tema Tarian Tradisional
- **Isi**:
  1. Mewujudkan Sekolah Seni di setiap negeri bagi melahirkan generasi berbakat
  2. Media massa mempromasikan keunikan tarian tradisional kepada seluruh lapisan masyarakat
  3. Sekolah menganjurkan pertandingan tarian tradisional bagi memumpuk minat murid.
- **Penutup** : Harapan masyarakat terhadap tarian tradisional

## **BAHAGIAN B**

**(70 MARKAH)**

### **Soalan 1 DOMAIN AWAM**

#### **Cadangan Idea :**

1. Peranan sekolah - mengadakan kegiatan kokurikulum yang berkaitan kepelbagai kuih tradisional mengikut etnik
2. Peranan Kementerian Kesenian, Kebudayaan, dan Warisan - mengadakan pesta kuih tradisional di peringkat negeri atau kebangsaan
3. Kerajaan juga perlu membina lebih banyak kemudahan untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana bagi pemasaran kuih tradisional
4. Kempen yang terancang tentang keunikan kuih tradisional ini perlu diadakan oleh pihak berkuasa.
5. Peranan media massa dalam menyiarkan program yang memaparkan kuih tradisional dan cara penghasilan bagi menarik minat masyarakat.

### **Soalan 2 DOMAIN PERIBADI**

#### **Cadangan Idea :**

1. Membantu merencanakan ekonomi negara
2. Melahirkan individu yang sentiasa bertolak ansur
3. Mewujudkan kesejahteraan sejagat
4. Melahirkan individu yang berkepimpinan tinggi
5. Membentuk individu yang bijak menghargai masa
6. Melahirkan seorang individu yang beretika

### **Soalan 3 DOMAIN PENDIDIKAN**

#### **Cadangan Idea:**

1. Membantu merangsang psikomotor
2. Mencungkil bakat terpendam dan kreativiti
3. Mencungkil ruang estetika dalam diri
4. Memupuk sifat menghargai
5. Proses pengajaran dan Pembelajaran menjadi lebih kreatif

Penutup:

- Kesimpulannya, jelaslah Pendidikan Seni mempunyai banyak kebaikan kepada semua murid.

Semua pihak haruslah memberi galakan dan sokongan moral kepada semua murid agar Pendidikan Seni semakin berkembang.

#### **Soalan 4 DOMAIN KERJAYA**

**Cadangan Idea :**

1. Membantu memperbaiki mutu kehidupan masyarakat melalui produk dan perkhidmatan yang diperkenalkan
2. strategi untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat
3. membantu meningkatkan taraf ekonomi negara
4. melahirkan belia yang berdaya saing dan kreatif
5. membantu mengatasi masalah kekurangan bekalan mentah dalam negara.
6. Memupuk sifat berdikari dalam kalangan masyarakat dalam usaha menarik pelanggan

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

### **Bahagian A**

**(30 Markah)**

Pendahuluan :

Semangat patriotik penting – setiap rakyat di negara ini –kini dikatakan lebih kepada patriotisme rasmi berbanding patriotisme peribadi.

Isi 1 :

Kepentingan semangat patriotik bagi memupuk semangat cinta akan negara – hidup dengan harmoni – menyemai jati diri yang tinggi – Mengekspresi perasaan bangga menjadi rakyat Malaysia – Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah – mengibarkan jalur gemilang

Isi 3

Berbakti kepada negara – bukti kecintaan kepada negara – tanah tumpah darah – menjalankan tanggungjawab kepada negara – timbul rasa syukur – dapat berbakti kepada negara.

Kesimpulan :

Semangat patriotisme amat penting – perlu dijiwai – Sekadar simbolik dengan semangat patriotik yang tinggi, keutuhan negara terjamin.

### **Bahagian B**

**(70 Markah)**

#### **1. SKEMA DOMAIN AWAM**

**Langkah-langkah menyemarakkan semangat patriotik dalam diri generasi anak-anak muda kini.**

**Jawapan Cadangan**

**Isi 1**

**Ibu bapa hendaklah membelikan anak-anak mereka buku-buku yang bertemakan patriotik serta buku-buku biografi tokoh-tokoh yang pernah mengharumkan nama negara.**

- Biografi tokoh-tokoh negarawan seperti Tun Mahathir Mohamad, buku-buku perjuangan tokoh-tokoh silam seperti tokoh Leftenan Adnan dalam Novel Pahlawan Pasir Salak, dan tokoh Dato' Bahaman dalam novel Darah Titik di Semantan .

**Isi 2**

**Ibu bapa menanam semangat mencintai tanah air dengan cara menghidupkan adat dan budaya di negara ini dalam diri anak-anak.**

- Sebagai contohnya, ibu bapa menanamkan budaya beramah mesra dengan jiran tetangga, budaya kunjung-mengunjungi ketika rumah terbuka dan budaya tolong-menolong walaupun berlainan bangsa.

### Isi 3

#### **Ibu bapa mengajak anak-anak melawat ke tempat bersejarah.**

- Ibu bapa membawa anak-anak berkunjung ke tempat yang bersejarah seperti mengunjungi A Famosa di Melaka, Makam Hang Tuah dan sebagainya.
- Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dapat membuka minda mereka akan keperitan pejuang terdahulu untuk membangunkan dan membebaskan negara ini daripada penjajah.

### Isi 4

#### **Pihak sekolah hendaklah menganjurkan sambutan bulan kemerdekaan.**

- Pihak sekolah haruslah menganjurkan bulan Kemerdekaan di sekolah masing-masing agar semangat cinta akan tanah air dapat dipupuk dalam diri para pelajar.
- Pelbagai pertandingan seperti pidato, koir, kuiz dan sebagainya dianjurkan
- Ceramah berkaitan sejarah tanah air kepada semua pelajar serta tayangan filem yang bertemakan patriotik.

### Isi 5

#### **Televisyen dan radio hendaklah menyiarkan rancangan atau program yang dapat meningkatkan semangat patriotik.**

- menyiarkan filem-filem yang dapat membangkitkan semangat patriotik.
- mengadakan rancangan khas pada sambutan bulan Kemerdekaan.
- Radio - menyiarkan lagu-lagu patriotik setiap hari, serta mengadakan temu bual bersama tokoh-tokoh negara yang mengharumkan negara.

## **2. SKEMA DOMAIN PERIBADI**

### **Cara anda untuk menunjukkan rasa bangga akan negara;**

#### **Jawapan Cadangan**

##### **Isi 1**

#### **Menuntut ilmu dan belajar bersungguh-sungguh mencapai kecemerlangan**

- Sebagai warganegara sayang akan negara, saya akan memastikan diri saya mempunyai ilmu yang cukup untuk saya meneruskan kepimpinan negara apabila saya dewasa kelak.
- Seyogianya, saya perlu sedar pemimpin negara **tumbuh hilang berganti** oleh sebab itu saya bertekad untuk meneruskan kepimpinan mereka sebagai usaha nirmala untuk memastikan negara saya cintai mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi seperti negara-negara maju dunia
- Langkah pertama, saya akan belajar bersungguh-sungguh dan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM untuk memastikan saya dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading.



**Isi 2****Sebagai seorang warganegara yang berdaulat saya perlu akur dan mengikuti undang-undang negara**

- Sebagai contoh di negara kita terdapat pelbagai undang-undang yang perlu saya akur seperti undang-undang jalan raya, undang-undang beragama, undang-undang berkait dengan tanah, undang-undang berpolitik, dan sebagainya.
- Sebagai seorang warganegara yang tinggal di negara yang menjalankan sistem perundangan demokrasi dan raja berpelembagaan saya perlu akur dengan sistem perundangan kerajaan semasa.
- Sebagai contoh jika saya memandu di jalan raya dengan melanggar kadar had laju ditetapkan saya perlu akur, saman akan dikeluarkan oleh pihak polif trafik dan saya perlu akur kesalahan saya tersebut kerana memandu laju boleh mengundang kemalangan, malang tidak berbau

**Isi 3****Saya perlu bangga dan membeli produk keluaran tempatan.**

- Slogan “ Belilah barangan keluaran tempatan”, amat terkesan dijiwa saya.
- Hal ini kerana saya perlu merujuk jatuh bangunnya sebuah negara bangsa atas sikap dan altitude rakyatnya seperti masyarakat negara Jepun dan juga Korea Selatan.
- Kemajuan dua negara maju dunia berkenaan bergantung kepada rakyatnya kerana rakyat Korea Selatan dan Jepun maju kerana rakyatnya amat patriotik dengan mengutamakan keluaran atau produk negara mereka sebagai barangan yang digunakan dalam kehidupan seharian.
- Buktinya, pabila saya menonton drama Korea, saya dapati lensa kamera akan mengaburkan jenama kereta sekiranya kereta berkenaan bukan keluaran negara.

**Isi 4****Saya akan sentiasa menghormati simbol dan imej negara iaitu bendera Malaysia**

- saya sebagai warganegara saya akan memastikan keberadaan imej dan simbol negara berkenaan berada di tempat yang sesuai kerana di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.
- mengibarkan bendera Malaysia di halaman rumah saya
- membantu pihak sekolah menaikkan bendera Malaysia di kelas dan di sekitar kawasan sekolah.
- meminta kebenaran ibu bapa saya untuk memasang bendera Malaysia di kereta mereka.
- saya akan berdiri tegak setiap kali bendera Malaysia dinaikkan di mana-mana sahaja terutama apabila upacara majlis rasmi diadakan seperti perhimpunan mingguan sekolah dan pada masa yang sama saya akan menyanyikan “Negaraku” menggambarkan saya bangga menjadi warganegara Malaysia.

### 3. SKEMA DOMAIN PENDIDIKAN

**Nyatakan peranan bahasa melayu bagi mewujudkan perpaduan kaum**

#### Jawapan Cadangan

##### Isi 1

**Penggunaan bahasa melayu dalam bidang ekonomi dapat menyemai perpaduan kaum**

- Kepelbagaian bangsa di negara ini dapat di satukan menggunakan bahasa Melayu ketika mengurus niaga.
- Komunikasi dalam satu bahasa iaitu bahasa Melayu dapat mengeratkan hubungan dan menyemai semangat patriotik dalam diri rakyat Malaysia.
- Bidang ekonomi iaitu bidang jual beli melibatkan semua warga negara ini, sekiranya semua rakyat menggunakan satu bahasa iaitu Bahasa Melayu dapat mengeratkan hubungan yang erat sesama rakyat yang pelbagai kaum.

##### Isi 2

**Penggunaan bahasa melayu dalam sistem pendidikan iaitu penggunaan bahasa melayu dalam menyampaikan ilmu di sekolah dan institusi pengajian tinggi.**

- Bahasa Melayu hendaklah diwajibkan sebagai bahasa pertuturan utama di sekolah kebangsaan mahupun di institut pendidikan tinggi agar perpaduan kaum dapat disemai dalam kalangan rakyat pada peringkat awal.
- Buku teks yang digunakan juga perlu ditulis menggunakan Bahasa Melayu

##### Isi 3

**Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan masyarakat majmuk**

- Bahasa Melayu merupakan bahasa utama dan bahasa rasmi di negara ini, penggunaan bahasa Melayu yang merangkumi semua kaum dapat memupuk perpaduan dan mengeratkan hubungan
- Galakkan yang berterusan daripada pihak kerajaan agar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi
- Pihak kerajaan menggunakan pelbagai media massa agar rakyat tidak meminggirkan bahasa Melayu malah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini

##### Isi 4

**Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran**

- Bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini
- Semua jabatan kerajaan hendaklah diwajibkan menggunakan bahasa Melayu ketika melaksanakan tugas sebagai pegawai kerajaan
- Dalam semua urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pemerintahan bahasa Melayu hendaklah digunakan sama ada sebagai bahasa komunikasi mahupun bahasa tulisan.

### 4. SKEMA DOMAIN KERJAYA

**Manfaat bidang kerjaya keusahawanan kepada pembangunan, kemajuan dan keamanan negara.**

#### Jawapan Cadangan

**Isi 1****Membantu mengurangkan kemiskinan**

- kerjaya keusahawanan antara kerjaya yang menyumbang kepada pembangunan, kemajuan dan keamanan negara
- Kemiskinan dapat dikurangkan seandainya rakyat yang tercicir dalam bidang pendidikan memanfaatkan bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka
- Hal ini dapat mengurangkan kemiskinan dalam kalangan rakyat di negara ini

**Isi 2****Mengurangkan jenayah**

- Jenayah akan berkurangan sekiranya rakyat di negara ini ada pekerjaan dan pendapatan mereka sendiri.
- Bidang keusahawanan adalah bidang yang mudah dan menjanjikan pendapatan, pihak kerajaan perlu membantu rakyatnya berdikari dengan memberikan bantuan seperti kursus dan peralatan mahupun modal
- Jenayah akan berlaku apabila rakyat di negara ini tidak mempunyai pekerjaan

**Isi 3****Mengurangkan pengangguran**

- Pengangguran akan berkurangan apabila sebilangan rakyat yang perlu dibantu , dibimbing oleh pihak tertentu seperti kerajaan memberikan mereka ilmu dalam bidang keusahawanan.
- Bidang ini tidak memerlukan modal yang tinggi, jualan di pasar atau di kiosk-kiosk kecil sahaja sudah memadai untuk membantu rakyat berpendapatan.

**Isi 4****Meningkatkan hasil keluaran rakyat tempatan**

- Keterlibatan rakyat dalam kerjaya keusahawanan dapat meningkatkan hasil keluaran rakyat dan menjadi sumber sampingan kepada sesetengah golongan yang telahpun mempunyai pekerjaan.
- Hasil pendapatan dalam kerjaya ini menjanjikan pendapatan yang lumayan sekiranya mempunyai pengetahuan dalam selok belok perniagaan dan mempunyai kebijaksanaan jual beli.

**Isi 5****Mengurangkan pergantungan kepada hasil import luar negara**

- Apabila barangan keluaran di negara ini cukup untuk rakyat, negara kita tidak perlu mengimport hasil daripada luar negara
- Keterlibatan rakyat dalam kerjaya keusahawanan yang pelbagai jenis di negara ini memberikan sumbangan yang besar kepada negara dalam membangunkan negara ini
- antara bidang-bidang keusahawanan yang boleh diusahakan oleh rakyat seperti bidang pertanian, bidang hartanah, bidang pertukangan, bidang katering dan jualan makanan dan sebagainya

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## TEMA: SUKAN DAN REKREASI

### BAHAGIAN A

#### Cadangan Jawapan Bahagian A

- **Format** : Tidak berformat
- **Pendahuluan** : Permainan tradisional
- **Isi**:
  1. Ibu bapa hendaklah memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak.
  2. Pihak sekolah menganjurkan Pertandingan Permainan Tradisional setiap tahun.
  3. Pihak media cetak, media elektronik dan laman sosial menyebarkan maklumat mengenai permainan tradisional.
- **Penutup** : Harapan rakyat terhadap permainan tradisional di Malaysia
- **Cadangan isi tambahan**:
  1. Badan bukan kerajaan (NGO) mengadakan aktiviti sukan yang melibatkan permainan tradisional.
  2. Kerajaan mengadakan kempen kepada rakyat berkaitan permainan tradisional.

### BAHAGIAN B

#### Soalan 1 (Domain Awam)

Amalan Gaya Hidup Sihat

##### Cadangan idea:

1. Mengamalkan pemakanan yang seimbang.
2. Melakukan senaman secara berkala.
3. Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala.
4. Tidak melakukan aktiviti yang boleh menjejaskan kesihatan seperti merokok.
5. Tidur yang mencukupi.

#### Soalan 2 (Domain Peribadi)

Sebab dan kepentingan senaman dalam kehidupan individu.

##### Cadangan idea:

1. Untuk menjaga kesihatan.
2. Untuk mencegah atau mengelakkan obesiti.
3. Mengamalkan gaya hidup sihat.

4. Mencegah penyakit.
5. Menghilangkan tekanan.

### **Soalan 3 (Domain Pendidikan)**

Peranan Sekolah Sukan Malaysia dalam usaha untuk melahirkan atlet yang cemerlang.

#### **Cadangan idea:**

1. Murid dapat fokus dengan bidang sukan yang diceburi.
2. Jadual yang fleksibel untuk murid.
3. Jurulatih yang berwibawa membimbing murid.
4. Murid dapat mengharumkan nama negara dengan mewakili negara dalam sukan yang diceburi.
5. Melahirkan atlet yang berjaya dalam akademik dan sukan.

### **Soalan 4 (Domain Kerjaya)**

Persediaan-persediaan untuk memenuhi kriteria sebagai jurulatih sukan yang berjaya.

#### **Cadangan idea:**

1. Jurulatih boleh mendapatkan nasihat daripada institusi atau persatuan yang berkaitan untuk menimba ilmu kejurulatihan.
2. Jurulatih boleh meluangkan masa dengan menghadiri seminar atau kursus yang diadakan oleh pelbagai pihak atau mengikuti pertandingan.
3. Jurulatih perlu mempersiapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang seharusnya ada dalam kerjaya masing-masing.
4. Jurulatih yang ingin bekerja sendiri, harus berani menghadapi risiko yang tinggi, kreatif meneroka bidang baharu dan tahan bersaing.
5. Jurulatih perlu memperlengkap diri dengan kemahiran sosial seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja sepasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah

**TEMA: SAINS , TEKNOLOGI & INOVASI**

**BAHAGIAN A  
[30 MARKAH]**

Isu : Revolusi Perindustrian  
Fokus Soalan : Manfaat revolusi perindustrian  
Cadangan jawapan :

1. Pengurangan kos dan peningkatan daya pengeluaran dan keuntungan.
2. Menyelesaikan masalah kompleks.
3. Kreatif.

\*Mana-mana jawapan sesuai yang terdapat dalam bahan.

**BAHAGIAN B  
[70 MARKAH]**

**1. DOMAIN AWAM**

Isu : Sisa pepejal.  
Fokus Soalan : Langkah-langkah yang boleh dilakukan.  
Cadangan Jawapan :

1. Melalui kempen.
2. Penyediaan tong kitar semula.
3. Penggunaan teknologi moden dalam pelupusan sampah.
4. Penguatkuasaan larangan penggunaan plastik.
5. Memperkasakan undang-undang & peraturan – Kerajaan @pihak berkuasa tempatan (PBT).
6. Peranan ahli masyarakat – amalan gaya hidup.

**2 DOMAIN PERIBADI**

Isu : Pencapaian pelajar dalam pertandingan Inovasi (Robotik).  
Fokus Soalan : Faedah-faedah mahir dalam Sains dan Teknologi kepada remaja.  
Cadangan Jawapan :

1. Meningkatkan peluang pekerjaan kepada remaja kelak.

2. Memupuk generasi berinovasi dan kreatif.
3. Memupuk semangat kerja berpasukan.
4. Meningkatkan minat pelajar terhadap bidang sains dan teknologi.
5. Melahirkan remaja yang mempunyai pemikiran yang sistematik dan bijak menyelesaikan masalah.
6. Melahirkan lebih ramai saintis muda di negara kita.
7. Menjana pendapatan kepada remaja apabila mencipta sesuatu inovasi yang baharu.

### 3. DOMAIN PENDIDIKAN

Isu : Pengorbanan ibu bapa dalam kecemerlangan anak-anak.

Fokus Soalan : Peranan ibu bapa dalam membantu pembelajaran maya anak-anak.

Cadangan jawapan :

1. Menyediakan tempat belajar yang kondusif.
2. Memberi dorongan dan tunjuk ajar.
3. Membantu merancang aktiviti anak-anak/mendaftarkan anak-anak dalam program yang sesuai.
4. Sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak.
5. Mengawasi perkembangan dan pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya.
6. Menyediakan kemudahan yang lengkap untuk anak-anak belajar
7. Menghadkan dan memantau masa anak-anak ketika pembelajaran maya.

### 4. DOMAIN KERJAYA

Isu : Teknologi dalam bidang pertanian.

Fokus Soalan : Kepentingan teknologi dalam membantu usahawan tani meningkatkan produktiviti mereka.

Cadangan jawapan :

1. Mengoptimumkan pengeluaran sumber makanan.
2. Menggalakkan penghasilan makanan yang bernutrisi dan berkepelbagaian.
3. Mengurangkan kerosakan dan pembaziran makanan dan melawan serangan

perosak dan penyakit.

4. Menambah pendapatan petani dan meningkatkan ekonomi negara.
5. Memberi peluang kepada petani moden untuk menceburi sektor pertanian.
6. Penggunaan peralatan canggih

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**



## TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

### Cadangan Jawapan Bahagian A

Format : Tidak berformat

Cadangan isi:

Mengurangkan tekanan

- akuarium yang dihias dengan rumput laut, batu batan dan pelbagai hiasan membawa rasa alam semula jadi dan menenangkan diri - dapat mengurangkan tahap tekanan seperti tekanan di tempat kerja atau sekolah.

Menjana sumber pendapatan

Mempercantik reka bentuk hiasan dalaman rumah

Sebagai hobi

### Cadangan Jawapan Bahagian B

Soalan 1

Format : Tidak berformat

Cadangan isi:

#### 1. Nelayan kekurangan modal

Kebanyakan nelayan miskin tidak ada modal dan hanya memiliki sampan.

Sukar memperoleh pinjaman dan kurang pengetahuan

#### 2. Kekurangan teknologi dan kepakaran

Teknologi tradisional menyebabkan tangkapan sedikit. Tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah menyebabkan nelayan tidak mampu mengendalikan alat berteknologi tinggi.

#### 3. Kurang tenaga buruh

Banyak anak muda berhijrah ke bandar dan tertarik kepada peluang ekonomi sekunder dan tertier. Generasi muda tidak berminat.

#### 4. Masalah cuaca

Musim tengkujuh menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut. Banjir yang berlaku menyebabkan muara sungai menjadi cetek – menyukarkan nelayan untuk menangkap ikan.

#### 5. Kepupusan sumber perikanan

Penangkapan ikan berlebihan akan menjejaskan hasil tangkapan nelayan. Penggunaan pukot harimau / pukot jerut – mengakibatkan kepupusan sumber ikan kerana semua ikan tidak kira saiz kecil atau besar akan ditangkap bersama-sama.

#### 6. Masalah orang tengah

Hasil tangkapan nelayan akan dijual terus kepada pelanggan tetapi dengan adanya orang tengah mereka akan menawarkan harga yang lebih murah. Keadaan ini akan menjejaskan pendapatan nelayan tradisional

Soalan 2

Format : Rencana

Cadangan isi:

**Melatih anak-anak sejak kecil tentang ilmu pertanian.**

- melentur buluh biarlah dari rebungunya

- mendidik anak bercucuk tanam /suka bertani
- mewujudkan taman mini di rumah
- membawa anak-anak ke dusun dan didik anak kenal tumbuhan

### **Menawarkan subjek Sains Pertanian**

- memperkembangkan minat dan menghargai pertanian
- memperkukuh asas kerjaya dalam bidang pertanian
- melahirkan generasi yang cinta akan pertanian

### **Mengubah persepsi golongan muda tentang bidang pertanian moden**

- pertanian mampu memberikan pendapatan lumayan
- memberikan contoh usahawan pertanian yang berjaya
- memberikan ceramah / kempen kelebihan pertanian menggunakan teknologi moden
- di mana ada kemahuan di situ ada jalan
- peranan media massa dan media sosial

### **Menawarkan peluang pekerjaan yang luas dalam bidang pertanian**

- gaji yang lumayan ditawarkan
- usahawan korporat mengambil banyak pekerja
- graduan Universiti Putra Malaysia dalam bidang pertanian semakin maju
- pekerja mahir mendapat lebih insentif

### **Menawarkan khidmat kursus dan latihan, pinjaman modal, dan mempromosikan hasil pertanian**

- Agensi kerajaan seperti Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Pihak Berkuasa Pekebun Kecil (RISDA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- penggerak kepada petani dan menggalakkan penglibatan

### **Soalan 3**

Format : Tidak Berformat

Cadangan isi:

### **Memupuk minat murid terhadap kerjaya dalam bidang pertanian/penternakan.**

- mampu menjadi satu titik permulaan bagi murid untuk lebih mengenali selok belok dalam aktiviti pertanian.
- mengubah minda/pandangan yang memandang rendah terhadap pekerjaan pertanian/penternakan – ada potensi besar dan menguntungkan.
- atasi masalah pengangguran dan tanah terbiar

### **2.Mendedahkan murid dengan konsep dan kaedah pertanian/penternakan moden**

- Contoh : menggabungkan akuakultur (ternakan ikan air tawar) dan hidroponik (kaedah pertanian berasaskan air) diakui bukan saja lestari malah menghasilkan hasil tanaman yang lebih selamat untuk dimakan.
- penggunaan sains dan teknologi dalam pertanian/penternakan
- melahirkan petani moden

### **3. Memberi peluang kepada murid untuk melaksanakan latihan amali / praktikal**

- Murid dapat mengaplikasikan ilmu pertanian/penternakan yang dipelajari di sekolah
- Menanam sayur / menternak haiwan (puyuh) – jual hasil

**4. Memastikan bekalan makanan negara mencukupi pada masa depan**

- Lebih banyak penyertaan / penglibatan generasi muda dalam pertanian akan menjamin bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa.
- Mengurangkan pergantungan negara kepada pengimportan produk makanan, sebaliknya banyak mengeksport produk ke luar negara.

**5. Mengurangkan pergantungan negara kepada pengimportan produk makanan, sebaliknya banyak mengeksport produk ke luar negara.**

- menyumbang kepada KDNK negara.

**Soalan 4**

Format : Tidak Berformat

Cadangan isi:

**1. Memilih jenis tanaman yang mempunyai permintaan tinggi dan sentiasa tidak mencukupi di pasaran**

- Perlu membuat penyelidikan terlebih dahulu dengan mengumpulkan maklumat mengenai jenis tanaman yang mempunyai permintaan yang tinggi.
- Indeks harga purata runcit bagi komoditi tanaman terpilih dijadikan bahan rujukan
- Kenal pasti tanaman yang mempunyai permintaan yang tinggi tetapi tidak mencukupi di pasaran

**2. Memilih jenis tanaman yang mempunyai tempoh penanaman yang singkat**

- Tempoh penanaman menjadi salah satu faktor yang penting kerana lagi cepat proses dari penanaman ke penuaian, lagi cepat proses untuk pusingan modal.
- Tempoh penanaman sehingga tuaian untuk sayuran berdaun seperti bayam, kangkung dan sawi adalah purata 30 hari. Manakala bagi sayuran berbuah seperti cili adalah 6 bulan (tanaman secara fertigasi).

**3. Mengenalpasti saluran pemasaran sebelum penanaman bermula**

- Sebelum memulakan projek penanaman, usahawan tani perlu menentukan saluran pemasaran bagi hasil tanaman nanti. Sama ada tanaman tersebut akan dijual di pasar borong, pasar tani, pasar malam, pasar basah, kedai runcit atau *hypermarket*.
- Setiap jenis saluran pemasaran ini akan memberikan hasil dengan harga dan terma yang berbeza. Oleh itu, usahawan tani perlu bertanya kepada mereka dahulu atau kaji pasaran mereka untuk mengetahui sayuran jenis apa yang mereka mahukan.

**4. Memulakan secara kecil-kecilan dan tanpa pinjaman**

- Jika tidak mempunyai pengalaman mengusahakan tanaman, anda perlu memulakannya pada skala yang kecil dahulu. Anda juga perlu memahami karakter tanaman, keperluan baja, kawalan penyakit dan lain-lain.
- Jangan mulakan bisnes pertanian dengan pinjaman. Bank-bank juga tidak memberi pinjaman kepada mereka yang masih baru tanpa cagar tanah. Sekiranya kita mencagarkan tanah kita, dan perniagaan kita gagal, bank akan mengambil alih tanah kita kerana tidak mampu untuk membayarnya.

**5. Menetapkan fokus sasaran harga tinggi atau bekalan berterusan**

- Tips untuk usahawan tani dalam bisnes pertanian yang kelima ialah fokus untuk sasarkan harga tinggi. Kebiasaanya hasil tuaian ketika musim perayaan adalah lebih tinggi berbanding dengan musim-musim lain.
- Oleh itu, waktu memulakan tanaman perlu dikira dari tarikh musim harga tinggi ke belakang.
- Selain itu, anda juga boleh fokus kepada strategi bekalan terusan tanpa memikirkan harga turun naik pasaran bagi mendapat kepercayaan daripada pelanggan anda dengan bekalan yang sentiasa ada.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN****BAHAGIAN A**

Cadangan jawapan

Faedah / Kebaikan / Kepentingan / Manfaat amalan menabung

1. Dapat dijadikan simpanan untuk masa hadapan
2. Bekalan wang untuk kegunaan ketika kecemasan
3. Mengelak daripada sikap boros dan membazir
4. Dapat menjadi contoh teladan kepada anak
5. Dapat dijadikan sebagai bank kecil tanpa perlu meminta wang daripada pihak lain
6. Memupuk nilai-nilai murni
7. Persediaan untuk melanjutkan pelajaran
8. Dapat mengawal inflasi

Cadangan ungkapan menarik

1. Sediakan payung sebelum hujan
2. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang kemudian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.
3. Jimat Cermat Amalan Mulia
4. Membazir Amalan Syaitan
5. Sikit-sikit lama-lama jadi bukit
6. Yang secupak takkan jadi segantang

**BAHAGIAN B****1. DOMAIN AWAM**

Pendahuluan

Isu berjimat cermat sering menjadi bualan masyarakat- banyak kebaikan kepada masyarakat- dapat elak diri daripada boros - perlu dipertingkatkan sesuai dengan keperluan semasa - beberapa langkah perlu diambil untuk menjayakan usaha ini.

Isi-isi penting

1. Peranan ibu bapa - mengamalkan sikap bersederhana dalam kehidupan - menjadi contoh dan ikutan kepada anak-anak- tidak membiasakan anak-anak dengan kemewahan- belanja sekolah tidak melebihi-lebih.
2. Peranan pihak sekolah- menyuburkan amalan berjimat cermat- guru menyedarkan murid agar menyimpan sebahagian daripada wang belanja ke bank- untuk membiayai kos pelajaran mereka kelak.
3. Peranan anggota masyarakat - golongan muda banyak mengikuti perlakuan dan budaya masyarakat - memberi contoh teladan- menegur jika melihat remaja suka membazir - nasihat menasihati merupakan perkara yang membawa ke arah kebaikan.

4. Peranan media masa - agen penyampai maklumat- menyebarkan maklumat tentang kelebihan berjimat cermat- dapat mempengaruhi minda masyarakat- maklumat patut disampaikan berulang kali.

5. Peranan kerajaan - menyokong usaha agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan - menggalakkan usaha penjimatan - memastikan televisyen dan radio tempatan menyiarkan poster dan iklan berjimat - pelepasan cukai kepada syarikat yang membuat potongan harga barangan dan perkhidmatan.

### **Penutup**

Semua pihak perlu berperanan bagi menjayakan misi ini - budaya ini perlu dipupuk sejak kecil lagi - negara akan sejahtera dan ekonomi akan mantap sekiranya rakyat dapat mengamalkan penjimatan dalam kehidupan seharian.

## **2. DOMAIN PERIBADI**

### **Pendahuluan**

Dalam meniti arus kemodenan - negara amat bergantung kepada kemampuan pengguna - membeli barang di pasaran-Namun kerancakkan pembangunan negara tidak sejajar dengan dapatan diperoleh oleh rakyat secara purata.- perlu bijak jadi konsumen berbelanja tanpa mendapat kerugian dan masalah.- sediakan payung sebelum hujan.

### **Isi-isi penting:**

1. Membuat perbandingan harga barangan

sesuatu produk berbeza harga di pasar raya, kedai runcit pasaran dan talian- tidak semua sama harga -penggunaan harus meneliti harga- beli dengan harga berpatutan- dapat jimat kos, masa dan tenaga.

2. Mengamalkan sikap berjimat cermat

Penting untuk masa depan- pandai kawal hawa nafsu- beli barangan tidak berfaedah apabila ada wang berlebihan - guna ketika kecemasan

3. Mengelakkan diri daripada berhutang - tidak menggunakan kad kredit - membeli hanya apabila wang mencukupi - rambang mata harus dihindari - tidak menghadapi hutang

4. Menyokong barangan tempatan - harga barangan tempatan jauh lebih murah daripada barangan diimport - membantu pengusaha tempatan - mengukuhkan ekonomi negara

### **Kesimpulan**

Latih diri menjadi pengguna bijak - sebagai pengguna kita berhak membuat pilihan yang terbaik demi kepentingan kita sendiri- hendak seribu daya tak hendak sribua dalih - usaha datang dari diri sendiri - jadilah pengguna bijak - tidak merugikan diri sendiri.

## **3.DOMAIN PENDIDIKAN**

Kata alu-aluan : ucapan terima kasih buat pengerusi majlis - yang berusaha, Puan Mary Gambidau , Pengatua Sekolah Menengah Sm All Saints - Yang afif lagi bijaksana, barisan hakim - Yang dihormati, rakan peserta yang petah berbicara - Yang dikasihi, sidang pendengar dan warga dewan - tajuk pidato “ Bijak merancang, kehidupan Sejahtera”

**Kata penghadapan :** hadirin yang dimuliakan,

Pendahuluan

Amalan menabung wang

Isi-isi penting:

1. Digunakan semasa kecemasan - malang tidak berbau - perlu selalu bersedia dan berwaspada ditimpa kemalangan atau kesakitan - tidak menyusahkan orang lain - menjamin kesihatan dan keselamatan diri - menyelamatkan nyawa.
2. Kegunaan melanjutkan pelajaran - dapat jamin masa depan yang cerah - ungkapan pelaburan hari ini, kesenangan masa hadapan- menyimpam melalui skin Simpanan Pendidikan Nasional- anak-anak menyambung pelajaran ke menara gading.
3. Memupuk tabiat berjimat cermat - rambang mata - pasa raya menawarkan promosi dan harga runtuh sepanjang tahun- membeli barangan ketika jualan runtuh- duit lebih boleh disimpan dalam tabung- elak bebanan hutang melalui kad kredit- sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna- jadi pengguna bijak.

### **Kesimpulan**

Terdapat seribu satu kepentingan menabung wang- bukan sahaja diri sendiri tapi negara - membangunkan negara dari segi ekonomi- kerajaan perlu beri potongan cukai kepada ibu bapa yang menabung- pihak bank harus menawarkan faedah yang tinggi terhadap penabung - masyarakat yang menabung wang ialah masyarakat yang sentiasa melihat masa hadapan.

## **4.DOMAIN KERJAYA**

**Pendahuluan** - koperasi didirikan di sekolah-sekolah untuk menumbuhkan jiwa koperasi dan kerjasama antara murid- bina rasa tanggungjawab, disiplin, setia kawan- meningkatkan pengetahuan murid dan mengembangkan potensi dalam pengurusan koperasi.

### **Cabaran**

1. Kekurangan modal koperasi.
2. Tahap keyakinan anggota rendah terhadap koperasi
3. Risiko perniagaan yang sanggup dihadapi oleh ahli koperasi masih ditahap rendah.
4. Kekurangan pengalaman guru-guru dan murid-murid koperasi

Langkah-langkah menanganinya:

1. Meminta bantuan dana daripada pihak berkenaan (Kerajaan, Persatuan KOPERASI, PIBG)
2. Menjalankan program /aktiviti yang dapat menyakinkan orang ramai.
3. Mengubah menteliti dan mengadakan program yang dapat bina keyakinan diri.
4. Menghantar ahli koperasi menghadiri bengkel, kursus dan seminar.

Kesimpulan:

Perlu komitmen dan pengemblengan semua pihak- sekolah perlu mempunyai koperasi - banyak manfaat- lebih-lebih lagi dunia yang semakin mencabar untuk memperoleh kerjaya bagi generasi akan datang- melatih dan menyediakan jalan awal bagi generasi muda merancang masa depan.

## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA: PERPADUAN KARANGAN RESPON TERHAD**

Langkah-langkah memupuk perpaduan

1. Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak
2. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mendidik, memelihara dan mengekalkan perpaduan kaum melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan
3. Pihak swasta seperti media massa, syarikat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
4. Pihak sekolah menjalankan aktiviti seperti persatuan, sukan dan kelab
5. Individu mesti mentaati raja dan mematuhi undang-undang yang telah termaktub dalam perlembagaan.

## **KARANGAN RESPON TERBUKA**

### **Domain Awam**

#### **Usaha-usaha Memupuk Perpaduan dalam Kalangan Rakyat Malaysia**

1. Penganjuran rumah terbuka semasa perayaan oleh pihak kerajaan atau orang perseorangan.
2. Masyarakat menghidupkan budaya ziarah-menziarahi.
3. Ibu bapa menunjukkan teladan kepada anak-anak melalui semangat kejiranan yang utuh.
4. Sekolah melaksanakan pelbagai pelbagai program untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid.
5. Kerajaan meneruskan program kenegaraan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).
6. Media massa menyebarkan mesej dan informasi positif untuk menggalakkan perpaduan.

### **Domain peribadi**

#### **Usaha-usaha untuk mengukuhkan semangat perpaduan antara kaum**

1. Setiap individu perlu mengamalkan sikap taat kepada raja dan negara
2. Ibu bapa perlulah menjadi suri teladan
3. Setiap individu mestilah berusaha untuk melibatkan diri dalam program ziarah komuniti



4. Penerapan nilai-nilai budaya dan warisan dalam aktiviti harian
5. Media massa mestilah memainkan peranan dalam menyebarkan kepentingan perpaduan antara kaum

### **Domain Pendidikan**

#### **Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan kaum dalam kalangan murid.**

1. Sekolah menjadi tempat berinteraksi dalam aktiviti pembelajaran.
2. Sambutan hari perayaan pelbagai kaum melalui program Rancangan Integrasi Murid (RIMUP)
3. Aktiviti kokurikulum seperti penglibatan dalam aktiviti persatuan, kelab atau sukan.
4. Penerapan nilai perpaduan melalui mata pelajaran Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

### **Domain Kerjaya**

#### **Kriteria untuk menjadi seorang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD)**

1. Mesti memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 dan lulus tapisan awal.
2. Lulus ujian dalam talian.
3. Lulus ujian kompetensi.
4. Lulus temuduga.
5. Menjalani latihan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

## TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

### SKEMA JAWAPAN CONTOH BAHAGIAN A

*Huraikan pendapat anda tentang cara-cara memelihara dan memulihara bangunan bersejarah.*

#### ***Pendahuluan :***

- Bangunan bersejarah merupakan sebuah bangunan yang dibina pada zaman dahulu yang menceritakan evolusi manusia dan memberi nilai sejarah yang berlaku di tanah air kita.
- Contoh bangunan bersejarah di Malaysia ialah Istana Kellis, Kota Cornwalls, Kota A'Famosa, Penjara Pudu, Bangunan Sultan Abdul Samad, Stadium Merdeka dan banyak lagi.
- Bangunan ini perlu dipelihara sebagai tarikan pelancong untuk melihat sendiri monument-monumen bersejarah yang kita miliki.
- Generasi muda juga dapat melihat sendiri bangunan bersejarah dan mempelajari sedikit sebanyak sejarah Malaysia.

#### ***Isi 1 : Usaha pihak kerajaan***

- Mewartakan bangunan bersejarah sebagai satu warisan kebangsaan yang perlu dipelihara.
- Bagi memastikan bangunan tersebut terus kekal, usaha mengindahkan semula bangunan dan landskap perlu digiatkan.
- Pelancong dari dalam dan luar negara akan berasa tertarik untuk mengunjungi bangunan bersejarah.

#### ***Isi 2 : Pihak sekolah***

- Melukis bangunan-bangunan bersejarah di dinding sekolah untuk memupuk perasaan sayang dan bangga akan bangunan bersejarah dalam kalangan murid.
- Pertandingan menulis esei mengenai usaha-usaha menjaga bangunan bersejarah sempena menyambut bulan kemerdekaan negara peringkat sekolah.
- Kelab dan persatuan di sekolah perlu merancang program lawatan ke tempat-tempat bersejarah yang terdapat di negara kita untuk memberi peluang kepada murid-murid mengenali bangunan-bangunan bersejarah dengan lebih dekat.

#### ***Isi 3 : Usaha ibu bapa***

- Ibu bapa perlu membawa anak-anak semasa musim cuti sekolah ke tempat-tempat yang menarik termasuk melawat bangunan bersejarah agar anak-anak dapat melihat keunikan binaannya seterusnya mampu memupuk semangat patriotik dalam diri mereka.
- Ibu bapa perlu menceritakan sejarah mengenai bangunan-bangunan bersejarah supaya anak-anak dapat menghargainya.

#### ***Penutup :***

- Intiharnya, kewujudan bangunan bersejarah di Negara kita menggambarkan kepelbagaian corak hidup masyarakat dahulu kala.
- Usaha untuk mengekalkan bangunan tersebut bagi tatapan generasi akan datang amat perlu dilaksanakan demi kesinambungan budaya masyarakat kita.

## SKEMA JAWAPAN CONTOH BAHAGIAN B

### 1. *Domain Awam*

#### ***Pendahuluan :***

- Warisan budaya ialah cara hidup yang dibangunkan oleh masyarakat dan diwarisi dari generasi ke generasi.
- Budaya warisan bangsa perlu dipertahankan agar sentiasa relevan dan diingati oleh masyarakat Malaysia.
- Masyarakat memainkan peranan penting untuk mengembalikan zaman kegemilangan untuk warisan rakyat Malaysia supaya tinggalan nenek moyang kita sentiasa subur dalam sanubari kita.

#### ***Isi 1 : Pihak sekolah***

- Mewujudkan persatuan/kelab yang berkaitan kebudayaan yang terdapat dalam sesuatu kaum.
- Menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri dan mewarisi sesuatu aktiviti kebudayaan.
- Contoh kelab; Kelab Tarian Melayu, Tarian Cina, Tarian India, Kelab Mencanting Batik dan sebagainya.
- Pelajar dapat mempelajari budaya kaum-kaum yang berlainan dan kaum sendiri.
- Pihak sekolah berepranan penting untuk menanam sikap cintakan budaya Malaysia dalam diri para pelajar sejak mereka masih muda lagi.

#### ***Isi 2 : Pihak kerajaan***

- Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia bertanggungjawab mengadakan aktiviti kebudayaan yang terdapat di Malaysia yang meliputi tarian, muzik, makanan, pakaian dan sebagainya.
- Penganjuran rumah terbuka secara besar-besaran bagi setiap perayaan di Malaysia.
- Aktiviti ini dapat mengeratkan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum apabila semua kaum disatukan di bawah satu bumbung.
- Mengadakan kempen-kempen untuk menggalakkan masyarakat untuk terus memartabatkan budaya masing-masing sama ada dalam negara mahupun sehingga ke luar negara.
- Contoh kempen “Budaya Melambangkan Bangsa.”

#### ***Isi 3 : Pihak sasterawan***

- Pihak sasterawan menyumbangkan tenaga dengan mengadakan majlis pembacaan puisi-puisi yang indah mengenai kepentingan dan keutamaan kebudayaan Malaysia.
- Mendapatkan kerjasama daripada media cetak atau elektronik untuk mempromosikan lagi kempen-kempen yang akan dijalankan.

#### ***Penutup :***

- Budaya yang masih diamalkan oleh semua kaum di Malaysia perlulah dihargai dan diwarisi kerana ia merupakan sebuah tradisi yang unik.

- Kesenian, muzik, adat resam, kepercayaan, bahasa dan sebagainya haruslah dikekalkan untuk generasi yang akan datang supaya generasi baharu juga turut mengetahui budaya yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka.

## 2. *Domain Peribadi*

### ***Pendahuluan :***

- Malaysia dikenali dengan tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina, India dan etnik-etnik seperti Kadazan Dusun, Bidayuh dan banyak lagi.
- Keadaan ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik dengan diversitinya dari segi agama, budaya, bangsa, tradisi, adat resam, cara hidup dan sebagainya.
- Generasi muda telah diamanahkan untuk mengekalkan budaya warisan kaum agar terus subur meredah zaman.

### ***Isi 1 : Pengekalan budaya warisan kaum merupakan kesinambungan tamadun.***

- Pemuda-pemudi wajib mengetahui asal-usul dan tidak melupakan daratan nenek moyang.
- Mengambil iktibar daripada peristiwa kejatuhan Sultan Melaka agar menjadikan budaya sendiri sebagai banteng agar tidak hanyut dengan budaya barat.
- Pemuda-pemudi bertanggungjawab mengenali asal-usul kaum untuk membentuk jati diri yang kukuh.

### ***Isi 2 : Dapat memelihara dan memulihara budaya warisan kaum melalui pengekalan monumen, arca dan bangunan bersejarah tinggalan penjajah.***

- Ukiran seni menarik hati para pelancong.
- Pengiktirafan Warisan Antarabangsa di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) melalui Bandar Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang juga dapat diketengahkan.
- Mengekalkan budaya warisan kaum amat vital dalam memelihara dan memulihara budaya warisan kaum.

### ***Isi 3 : Menjana ekonomi Negara***

- Kemasukan pelancong asing yang meningkat dari setahun ke setahun.
- Persembahan teater tradisional seperti Mak Yung dan Tarian Gawai mendapat kunjungan para pelancong yang ingin merasai kehidupan dan menghayati warisan kaum.
- Promosi negara kepada mata dunia.

### ***Penutup :***

- Terdapat banyak bukti kepentingan memelihara warisan budaya bangsa.
- Semua pihak perlu proaktif melibatkan diri dalam aktiviti warisan budaya dan mempromosikan, melatih, membangunkan dan mengekalkan budaya warisan kaum.

### 3. *Domain Pendidikan*

#### ***Pendahuluan :***

- Mereka yang gagal untuk mempelajari sejarah mereka pasti mengulangi kesilapan orang kita pada masa dahulu.
- Dengan mempelajari sejarah kita dapat mengenal asal usul kemunculan tulisan, bandar, sistem pemerintahan, dan sebagainya.
- Setiap rakyat Malaysia khususnya anak muda harus mengetahui latar belakang negara kita dan pembentukan negara Malaysia itu sendiri kerana ini merupakan sejarah negara kita.

#### ***Isi 1 : Mengambil iktibar daripada peristiwa lalu.***

- Mereka yang tidak mempelajari sejarah berkemungkinan mengulanginya dan membawa kepada kejatuhan Negara.
- Ahli falsafah George Santayana ‘mereka yang melupai sejarah pasti akan mengulanginya.’
- Kesilapan orang terdahulu sewajarnya diambil berat dan bukannya dipandang enteng sahaja kerana kesannya amat menyakitkan.

#### ***Isi 2 : Mengekalkan perpaduan kaum.***

- Kestabilan negara bergantung kepada perpaduan masyarakat.
- Negara ibarat pokok dan rakyat ibarat akar. Pokok tidak akan berdiri kukuh tanpa akar begitu juga negara kita.
- Sejarah hitam selepas merdeka tragedi salah faham antara kaum pada 13 Mei 1969 meragut banyak nyawa dan perpaduan negara ketika itu bagai telur dihujung tanduk.
- Kita hendaklah sentiasa memastikan bahawa perpaduan kaum dipelihara agar tragedi itu tidak berulang kembali.

#### ***Isi 3 : Menimbulkan rasa patriotisme.***

- Semangat patriotism semakin terhakis dalam diri masyarakat.
- Sambutan hari kemerdekaan juga sering tidak diendahkan dan mengganggu sambutan itu tidak mendatangkan faedah.
- Sambutan itu wajib diadakan untuk menghargai jasa-jasa pejuang tanah air.
- Segala kesenangan dan kebebasan yang diperoleh pada hari ini hasil usaha perwira-perwira negara.
- Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

#### ***Penutup :***

- Tuntasnya, kepentingan mempelajari sejarah amat penting dalam pembentukan masyarakat.
- Sentiasa menghayati dan menghargai jasa-jasa pejuang tanah air yang berjuang untuk kebebasan kita pada hari ini.
- Sejarah mengandungi 1001 iktibar, teladan serta pengajaran untuk pedoman hidup.

#### **4. Domain Kerjaya**

##### ***Pendahuluan :***

- Pendedahan maklumat kerjaya yang selaras dengan minat, kebolehan, personaliti serta pencapaian berupaya membantu seseorang memilih bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan diri.
- Seseorang individu perlu mengenali dan memahami pekerjaan itu serta mampu membandingkan ciri-ciri pekerjaan tersebut.
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan sangat sinonim dan sememangnya sesuai dengan kerjaya sebagai pemandu pelancong.
- Industri pelancongan menjadi semakin penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan banyak menyumbang kepada pendapatan dan pertumbuhan negara.

##### ***Isi 1 : Mengasah kebolehan berkomunikasi dengan baik.***

- Menambahkan penguasaan bahasa asing selain daripada bahasa melayu dan bahasa inggeris supaya interaksi bersama pelancong menjadi lebih mudah dan senang difahami.
- Sentiasa berpeluang dan belajar menambahbaik kemahiran dan kelancaran bertutur dalam bahasa asing disamping meningkatkan keyakinan diri.

##### ***Isi 2 : Mengenali pelancong dari pelbagai negara***

- Mengetahui pelbagai budaya melalui pelancong mengenai negara asal mereka.
- Meluaskan pengetahuan melalui pengalaman pelancong dari serata dunia.
- Menambahkan kenalan

##### ***Isi 3: Menjadi pengantara memperkenalkan negara kepada dunia luar dalam kalangan pelancong.***

- Kemahiran menguasai pengetahuan sejarah sesuatu tempat diutamakan kerana setiap lokasi yang dikunjungi perlu dimaklumkan secara terperinci.
- Perlu membuat banyak rujukan dan rajin membaca.

##### ***Penutup :***

- Industri pelancongan merupakan satu projek atau program pembangunan yang menguntungkan negara daripada pelbagai sudut.
- Kerjaya sebagai pemandu pelancong perlu dipandang sebagai salah satu kerjaya yang berpotensi untuk menggalakkan lebih ramai anak muda menceburi kerjaya ini.
- Institusi pengajian perlu menawarkan lebih banyak kursus sehingga ke peringkat sarjana yang berkaitan dengan pelancongan dan karier dalam sektor pelancongan.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA : PERINDUSTRIAN**

### **SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN A**

Format : Tidak ada

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

Takrif- Makanan yang disediakan dan disejuk beku untuk satu jangka masa yang lama.

Berkembang bak sendawan tumbuh selepas hujan.

Menjadi pilihan warga Malaysia selaras dengan gaya hidup yang ringkas dan mudah.

Isi-isi:Kebaikan Makanan Sejuk Beku kepada masyarakat:

1. Harga yang kompetitif
2. Mudah disediakan-menggoreng, mengukus , memanggang.
3. Menjimatkan masa
4. Sumber pendapatan masyarakat
5. Tahan lama

Penutup:

Kesimpulannya, peranan pelbagai pihak untuk mengembangkan potensi Makanan Sejuk Beku di Malaysia.

Mempunyai masa hadapan yang cerah sekali gus dapat meningkatkan pasaran ekonomi Malaysia di persada dunia. Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.

### **SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN B**

SOALAN 1:

Format : Tidak Ada

Cadangan Jawapan :

Pendahuluan

Situasi semasa PKS di Malaysia

Isi-isi :

1. Pengusaha mesti berjiwa kental
2. Pengusaha mesti berusaha menghasilkan produk yang bermutu tinggi dan mampu bersaing
3. Pengusaha yang berpotensi mesti diberi bantuan dalam bentuk modal seperti wang , mesin
4. Agensi kerajaan berkepakaran seperti MARDI, MARA memberi latihan kemahiran
5. Pemasaran produk mesti diperluas ke peringkat antarabangsa bukan tempatan sahaja- melalui media masa dan ekspo/pameran perniagaan

Penutup

Usaha ini perlu kerjasama daripada semua pihak

## SOALAN 2

Format : Tidak Ada

Cadangan Jawapan :

Pendahuluan

Perkembangan Internet menjadikan perniagaan secara dalam talian berkembang

Isi-isi :

1. Saya senang membuat pilihan barang –barang,membanding harga daripada penjual-penjualn atas talian
- 2.Saya senang membuat pembayaran secara digital /transaksi wang secara dalam talian atau ATM
- 3.Saya dapat mengesan pergerakan barangan/menyemak status penghantaran barangan yang dibeli dengan syarikat pengangkutan seperti Pos Laju, J n T ,Ninja Van dan sebagainya.Saya
- 4.Saya boleh membeli barangan berjenama dari luar negara dan yang tidak ada di dalam negara .
5. Saya mampu menjimatkan masa semasa membeli barang-barang , tidak perlu membuang masa menunggu kenderaan awam,menjimatkan petrol , mengurangkan pencemaran juga

Penutup .

Pembelian secara dalam talian mendatangkan banyak faedah kepada saya.

## SOALAN 3

Format : Ceramah

Cadangan Jawapan :

Pendahuluan

Kata-kata Aluan

Isi-isi : Peluang-peluang yang ditawarkan ialah

1. Automotif
2. Seni Bina Landskap/Seni Bina Taman
- 3.Elektronik
- 4.Seni Reka Fesyen
5. Bakri dan Pastri
- 6.Reka Bentuk Grafik



7.Elektrik

8.Kulinari dll

Penutup

-harapan penceramah

-ucapan terima kasih

SOALAN 4:

Format : Tidak Ada

Cadangan Jawapan :

Pendahuluan

Kejayaan memang patut dicontohi – menjadi kebanggaan negara

Isi-isi :

1.tidak mudah berputus asa

2.Sentiasa berfikiran positif

3.Sentiasa berusaha dan mempunyai keyakinan yang tinggi

4.Berani mengambil risiko

5.Bijak mengambil peluang dan menyelesaikan masalah

6.Sentiasa tawakal dan menghormati ibu bapa

Penutup

Usahawan perlu berusaha gigih dan mempunyai visi yang jelas

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: PENDIDIKAN****Bahagian A****Pendahuluan**

Bertanyakan khabar dan menceritakan situasi semasa  
 Kakak saya dihantar ke Jepun – ingin juga belajar bahasa asing yang diminati  
 pelbagai lapisan masyarakat selain bahasa Inggeris  
 Kehendak soalan – Belajar Bahasa Asing

Isi 1 Contoh bahasa asing – Bahasa Jepun dan bahasa Perancis

- Bernilai ekonomi
- Dipelajari di universiti atau di pusat bahasa antarabangsa
- Jabatan Bahasa Asing di Universiti Putra Malaysia menawarkan pelbagai bahasa asing
- Bahasa lain dikuasai dan bahasa sendiri tidak diabaikan – menepati slogan, “Bahasa Melayu Diperkasa, Bahasa Asing Disemarak”

Isi 2 Kebaikan mempelajari bahasa asing Bahasa Jepun – bahasa pemain industri utama daripada teknologi hingga automotif

- Dapat belajar bahasa ini dengan bekerja di syarikat Jepun
- Panasonic dan Toyota
- Pekerja dari negara lain mempunyai peluang cerah jika mampu berbahasa Jepun

Isi 3 Kebaikan mempelajari bahasa asing Bahasa Perancis – bahasa pemain industri fesyen dan kosmetik

- Perlu belajar menulis dan bertutur
- Rakyat Perancis cinta akan bahasa mereka
- Kebolehan berbahasa Perancis – mempengaruhi karier seseorang yang berpegang pada prinsip “Bahasa Jiwa Bangsa”.

Kesimpulan – belajar bahasa asing?

Bahasa Inggeris bukanlah satu-satunya bahasa asing yang penting – perlu meluaskan horizon pembelajaran bahasa asing – dapat mengeratkan hubungan antarabangsa – Yang jauh didekatkan, yang dekat dirapatkan.

**Pendahuluan**

bertanyakan khabar dan menceritakan situasi semasa  
 menulis karangan tentang media sosial dalam dunia pendidikan

Isi.

-penggunaan media sosial memberi banyak faedah kepada semua - media sosial sebagai tempat gedung ilmu -dapat menimbah ilmu pengetahuan - menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.

- media sosial boleh dijadikan sebagai wadah penghubung sesama murid. Penggunaan media sosial dapat menambah kenalan baru - sebagai satu cara bertukar-tukar idea semasa belajar meningkat subjek yang murid belajar kerana sukatan pembelajaran yang sama.

- media sosial juga sebagai salah satu cabang mempelajari ilmu perniagaan hanya melalui hujung jari tanpa perlu berdepan dengan pelanggan pemasaran - proses jual beli secara dalam talian ternyata memudahkan pelanggan dan peniaga - Dayung sudah ditangan, perahu sudah di air.

kesimpulan

penggunaan media sosial ini mendatangkan pelbagai kebaikan dan keburukan kepada semua golongan lapisan masyarakat. - kesedaran bahawa di tahap manakah kita sebagai pengguna sebagai pengguna media sosial. - mestilah cakna dan celik dalam mendisiplinkan diri sebagai pengguna berhemah.

## **Bahagian B**

### **Cadangan Jawapan Karangan**

#### **Soalan 1 Domain Awam**

Pendahuluan

Usaha-usaha menjayakan Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020)

Isi:

1. mempromosikan buku - untuk memperkenalkan buku-buku Malaysia kepada pembaca muda di negara ini - Melalui penganjuran Projek Perpustakaan Bergerak - Projek perpustakaan bergerak ini akan menjelajah ke sekolah rendah dan sekolah menengah - menyemarakkan budaya membaca dari peringkat sekolah - melentur buluh biarlah dari rebungunya. -
2. Aktiviti membaca dalam semua bentuk sama ada buku fizikal atau buku digital - kedua-dua bentuk buku ini - kunci kepada gedung ilmu. melalui membaca - memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Golongan rajin membaca - modal insan berguna kepada masyarakat dan negara. ilmu itu pelita hidup
3. membangunkan infrastruktur industri buku - penerbitan buku tempatan- duta kecil Malaysia yang konsisten - mempromosikan negara melalui pesta buku - dapat menyebarluaskan karya penulis tempatan - meningkatkan bidang pelancongan - meningkatkan keyakinan pelabur asing - menjemur semasa hari panas.
4. Akses Internet - supaya tiada lagi alasan untuk tidak membaca buku - perkhidmatan e-buku (buku elektronik) di bawah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) - Perkhidmatan e-buku menggunakan teknologi Internet of Things (Beacon) di lokasi yang menjadi tumpuan pelancongan dan masyarakat berasaskan pengetahuan dan pembacaan - boleh diakses oleh segenap rakyat - hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Kesimpulan – Matlamat KLWBC - meningkatkan minat membaca dan akses pembukaan di Malaysia - usaha murni ini harus disokong sepenuhnya oleh rakyat - menaikkan

kadar celik literasi di negara ini - berfungsi sebagai sumber penyebaran ilmu - membaca jambatan ilmu

## Soalan 2 Domain Peribadi

Pendahuluan

- Mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan

Isi:

1. Belajar secara tekak dari awal tahun
2. Mengikuti kelas tambahan yang dianjurkan oleh pihak sekolah
3. Menyertai bengkel atau seminar
4. Belajar secara berkumpulan

Kesimpulan – rajin dan usaha tangga kejayaan

## Soalan 3 Domain Pendidikan

PENDAHULUAN

- Setiap anak yang dilahirkan adalah ibarat kain putih tetapi lengkap dengan jasad, roh, dan akal bagi menerokai berbagai-bagai tahap dalam proses pembesaran bagi membentuk potensi diri (Muslim ibnu Hajjaj Al-Qusayri,1994).
- Namun ada juga antara manusia yang dilahirkan seba kekurangan dari segi fizikal, sikap, dan perasaan dan mereka ini dianggap sebagai “cacat” dalam masyarakat.
- Sindrom Autisme ialah satu masalah perkembangan yang paling sukar untuk memahami. Sindrom ini merupakan satu fenomena yang luar biasa dan kejadian insiden adalah lebih kurang 5 – 15 setiap 10,000 kelahiran.
- Ramai kanak-kanak yang mengalami sindrom ini menghadapi masalah komunikasi, tingkah laku, sosial dan adaptasi. Trend pendidikan masa ini menggalakkan murid autisme ditempatkan belajar bersama murid normal dalam kelas biasa.
- Matlamatnya ialah untuk memberi peluang kepada murid autistik menerima pengajaran dan pembelajaran dan menyertai semua aktiviti yang terdapat di sekolah.
- Persoalannya, apakah kemahiran-kemahiran yang diperlukan murid berkeperluan autisme menyerlahkan potensi diri.

ISI 1

- Kemahiran sosial
- Kemahiran sosial yang digunakan dalam kajian ini bermaksud keupayaan untuk menghasilkan tingkah laku-tingkah laku atau respon-respon yang sesuai secara lisan atau bukan lisan dalam proses berinteraksi tanpa menyakitkan perasaan orang lain.
- Antara contoh kemahiran sosial seperti Kemahiran menarik perhatian orang lain, Kemahiran berkongsi dan memberi dan Kemahiran memberi idea.
- Melalui bimbingan kemahiran-kemahiran ini, anak-anak autism dapat mengetengahkan potensi diri mereka pada masa hadapan.

ISI 2

- Kemahiran Komunikasi
- Guru perlu memainkan peranan untuk sentiasa memberi peneguhan positif kepada murid autisme. Situasi ini akan merangsang mereka untuk berkomunikasi dan aktif dalam aktiviti pembelajaran.

- Murid autisme perlu diberi peluang untuk membentuk kemahiran dalam pelbagai situasi. Guru perlu perkenalkan situasi yang berbeza untuk murid autisme merasa perbezaan kerana mereka suka akan rutin. Oleh itu, dengan sedikit perubahan yang dibuat, murid akan cuba menyesuaikan diri dengan keadaan baharu dan sekali gus mendapat pengalaman serta pengetahuan baharu- kaedah yang dapat digunakan ialah kaedah terapi *Floortime* iaitu murid didedahkan ke tahap yang lebih tinggi dengan bantuan orang dewasa. Kaedah Terapi Pertuturan akan membantu murid autisme bertutur dengan bahasa dan situasi yang sesuai.

### ISI 3

- Kemahiran fizikal
- Terapi hidro dilihat sesuai untuk perkembangan fizikal kerana kombinasi pergerakan motor kasar dan halus serta mental kanak-kanak dapat dirangsang secara serentak.
- Rangsangan air yang secara semula jadi dapat membantu kanak-kanak tenang walaupun pada permulaannya sesetengah kanak-kanak akan berasa takut untuk masuk ke dalam air. Perkara ini dapat diatasi dengan membawa kanak-kanak ke kawasan cetek sebelum berpindah ke kawasan yang lebih dalam. Secara tidak langsung telah dapat melatih membina keyakinan diri kanak-kanak “water confidence”.
- Melalui terapi seumpama ini, anak-anak autisme dapat memantapkan perkembangan fizikal dengan aktiviti-aktiviti seperti regangan seterusnya melembutkan sendi dan meningkatkan daya ketahanan jantung dan otot-otot rangka kanak-kanak tersebut.
- Kesannya, anak-anak autisme mampu menjadi seperti anak-anak normal, berkeyakinan diri yang tinggi dan menyerlahkan potensi yang ada dalam diri mereka apabila mereka menginjak dewasa.

### ISI 4

- Kemahiran Berdikari -menggunakan kaedah TEACCH (Training and Education of Autistic and Related Communication Handicapped) iaitu kaedah yang menggunakan bahan visual untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran berdikari seperti menyusun pakaian secara teratur, latihan tandas dan makan sendiri. Kaedah dijelaskan dengan kad gambar secara berperingkat iaitu daripada mudah kepada sukar- proses dilakukan secara berulang kali dan memerlukan tahap kesabaran dan ketekunan yang tinggi.
- Kemahiran berdikari ini mampu membantu murid autisme meningkatkan keyakinan diri dan mencungkil potensi diri mereka untuk berdepan dengan khalayak awam.
- Contohnya Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) yang beroperasi pada tahun 2013 di Kuala Lumpur yang membantu golongan istimewa ini mengikuti modul pembelajaran khas mengikut tahap kebolehan masing-masing.

### ISI 5

- Latihan kemahiran teknikal dan vokasional untuk lepasan sekolah kepada golongan istimewa.
- Kementerian Belia dan Sukan telah mengarahkan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) untuk bekerjasama dengan Nasom( National Autism Society of Malaysia) mengenai penstrukturan program tersebut- sebanyak 20 pusat di seluruh negara yang direka bagi menawarkan perkhidmatan sokongan dan pendidikan vokasional untuk membantu anak-anak autisme-

- membangunkan program perintis untuk kanak-kanak dari gimnasium *We Rock The Spectrum* untuk mempelajari kemahiran vokasional untuk anak-anak autisme. Gimnasium *We Rock The Spectrum* di *Evolve Concept Mall* merupakan sebuah pusat permainan tertutup untuk kanak-kanak yang menghidap penyakit autisme.
- Melalui latihan kemahiran vokasional dan teknikal anak-anak autisme lepasan sekolah dapat mengetengahkan potensi diri mereka dalam kursus-kursus teknikal, elektrik, perhotelan dan rekaan fesyen- membantu diri mereka pada masa depan.

## PENUTUPAN

- Banyak keperluan yang perlu dipelajari dan dibimbing kepada anak-anak autisme.
- Melalui kemahiran yang sistematik, berjadual dan terancang oleh pelbagai pihak mampu melahirkan anak-anak autisme yang berdikari, berkebolehan dan berpotensi untuk menjadi sebahagian masyarakat yang berguna pada masa hadapan.
- Sudah terang lagi bersuluh, kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan visi kudsi kerana anak-anak autisme sekiranya diasuh dan dididik dengan pendidikan yang sempurna mampu membantu negara dalam pelbagai aspek dan meletakkan nama negara setanding negara-negara maju di pentas dunia- duduk sama rendah , berdiri sama tinggi.

## Soalan 4 Domain Kerjaya

### Pendahuluan

- setiap individu memerlukan pekerjaan untuk menyara keluarga dan membiayai tuntutan hidup yang lain
- keadaan ekonomi negara yang tidak menentu menyebabkan peluang pekerjaan terhad, sedangkan bilangan golongan pencari kerja amat tinggi sehingga mewujudkan masalah pengangguran
- terdapat banyak cabaran yang bakal dihadapi oleh seseorang yang akan melangkah ke alam pekerjaan
- persediaan yang rapi dan teliti perlu dibuat supaya seseorang itu tidak menghadapi masalah akibat cabaran tersebut
- perlu mengambil beberapa langkah yang proaktif sebagai persediaan menghadapi cabaran alam pekerjaan

### ISI 1

- harus berusaha untuk mendalami ilmu tentang bidang pekerjaan yang akan diceburi
- kerana bakal majikan memerlukan pekerja yang mempunyai pengetahuan tentang kerjanya
- majikan mengharapakan pekerja itu dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan sempurna dan berkesan
- harus menguasai mata pelajaran yang berkaitan
- membaca buku-buku dan melayari laman sesawang yang berkaitan dengan bidang pekerjaan yang bakal diceburi – perlu mempunyai ilmu pengetahuan tentang isu semasa seperti dasar-dasar kerajaan, isu antarabangsa dan perkembangan teknologi terkini, khususnya bidang komputer dan teknologi maklumat agar tidak dianggap oleh majikan sebagai katak di bawah tempurung

## ISI 2

- perlu berusaha meningkatkan kemahiran komunikasi
- kerana dunia pekerjaan pada era globalisasi memerlukan pekerja yang mampu berkomunikasi dengan baik, terutamanya dalam bahasa Inggeris
- perlu mengambil inisiatif dengan mempelajari bahasa Inggeris dengan gigihnya
- menyertai aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran komunikasi seperti pertandingan bahas, syarahan dan drama, di samping aktif dalam persatuan di sekolah
- sentiasa terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti menyertai aktiviti gotong-royong dan membantu jiran semasa majlis perkahwinan untuk mengasah kemahiran komunikasi
- penting kerana majikan memerlukan pekerja yang bijak berkomunikasi, petah, ramah dan mudah mesra semasa di alam pekerjaan nanti

## ISI 3

- harus membiasakan diri bekerja dalam pasukan
- harus melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di sekolah seperti persatuan, permainan dan unit beruniform
- penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum dapat menjadi platform untuk membina kemahiran kerja berpasukan yang akan berguna semasa berada di alam pekerjaan sebenar
- kerana kebanyakan bidang pekerjaan dilakukan dalam kumpulan yang memerlukan seseorang itu memiliki kemahiran kerja berpasukan
- dalam realiti dunia pekerjaan, pekerja perlu menunjukkan kemampuan untuk menjadi ahli kumpulan yang berperanan aktif dalam pasukan, selain berkeupayaan untuk menguruskan kumpulan
- individu perlu membina hubungan yang positif dengan rakan sekerja, sekali gus dapat membantu mencapai matlamat kerja dan objektif syarikat atau organisasi

## ISI 4

- harus menguasai aspek kemahiran menyelesaikan masalah
- penguasaan dalam kemahiran menyelesaikan masalah penting kepada seseorang pekerja
- pekerja yang menguasai kemahiran ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi di tempat kerja dengan menggunakan pemikiran kritis
- ciri pekerja yang mampu berfikir secara kritis amat diperlukan dalam dunia pekerjaan kerana mereka lebih inovatif, mampu berfikir di luar kebiasaan/ berfikir di luar kotak serta bermotivasi tinggi untuk maju ke hadapan
- pekerja yang memiliki kemampuan berfikir sedemikian pasti menjadi aset penting kepada majikan kerana keupayaannya itu dapat membawa keuntungan kepada syarikat

## ISI 5

- seseorang murid memerlukan kelayakan akademik yang tertinggi
- Tahap akademik yang diperlukan berbeza-beza berdasarkan pekerjaan tertentu.
- Tamsilnya, seseorang murid perlulah mendapatkan gelaran Doktor Falsafah untuk menjadi seorang pensyarah.
- Manakala, seseorang itu cukup mendapatkan ijazah dalam bidang yang dikhususkan untuk menjadi seorang akauntan. Kelayakan akademik ini sebagai suatu kayu ukuran dalam proses pengrekrutan dan pemilihan pekerja kerana kelayakan tersebut menjadi

bukti pemahaman individu yang mendalam dan khusus dalam bidang yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan.

### Penutupan

- terdapat banyak cabaran yang menanti seseorang sebaik-baik sahaja melangkah ke alam pekerjaan.
- perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran insaniah, di samping memupuk nilai positif dalam diri
- harus bersedia dari sekarang agar tidak mengalami kejutan budaya apabila berhadapan dengan cabaran-cabaran
- ilmu, kemahiran insaniah dan sikap positif dimiliki menjadikan seseorang itu modal insan yang berharga, ibarat mutiara yang sentiasa diburu dan bernilai tinggi biarpun berada di mana-mana juga



## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

### **TEMA: KERJAYA**

#### **BAHAGIAN A**

##### Pendahuluan

Idea penubuhan koperasi sekolah diilhamkan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz – Kementerian Pendidikan berhasrat mewujudkan koperasi di setiap sekolah pada tahun 2010.

##### Isi-isi penting

1. Melatih murid dalam bidang perniagaan – ahli-ahli yang mengendalikan koperasi terdiri daripada murid-murid di sekolah – apabila mengendalikan urusan niaga di koperasi, secara tidak langsung mereka akan mendapat latihan dalam bidang keusahawanan – ilmu dalam perniagaan seperti bidang jual beli, keuntungan, modal dan pengurusan perniagaan – murid-murid yang terlibat dengan koperasi sekolah memperoleh ilmu di samping apa yang dipelajari di bilik darjah – *sambil menyelam, minum air*.
2. meningkatkan ekonomi sekolah – sekolah memperoleh pendapatan menerusi koperasi – memperoleh jualan – contohnya, Kelab Usahawan diwujudkan yang turut membekalkan pelbagai baham untuk dijual oleh koperasi sekolah.
3. memudahkan murid dan guru membeli barangan – harga juga murah dan berpatutan – murid-murid dan guru mudah mendapatkan bahan dan tidak perlu membeli di luar – contohnya, buku tulis, alat tulis dan lain-lain – boleh menjimatkan kos dan masa – tidak perlu ke pekan atau ke bandar yang memakan kos yang lebih tinggi.

##### Penutup

Kesimpulannya koperasi di sekolah membawa pelbagai manfaat kepada pihak sekolah dan juga murid-murid – koperasi sekolah mesti ditambah baik supaya mendatangkan lebih banyak manfaat.

#### **BAHAGIAN B**

##### **SOALAN 1**

##### Pendahuluan

isu sukan tanah air – meniti di bibir masyarakat – menjadi lebih serius apabila peminat mula mempersoalkan keupayaan jurulatih import – melatih barisan pelapis negara – setanding dengan pelapis negara lain.

Isi-isi penting

## 1. mempercayai kebolehan jurulatih tempatan

jurulatih tempatan mempunyai kemahiran yang setara – lebih baik daripada jurulatih import. Pelantikan jurulatih – bukan dipilih secara sambil lewa – menjalani latihan kejurulatihan di luar negara – mendapat sijil jurulatih –kesannya kemahiran itu akan diturunkan kepada pemain tempatan – mewakili negara – nama Datuk Misbun Sidek sudah tidak asing lagi-arena sukan badminton – berjaya melatih Datuk Lee Chong Wei – menempa nama pada peringkat antarabangsa.

## 2. sudah masak dengan corak, budaya dan taktikal atlet atau pemain negara

dapat memahami – tahap dan kemahiran atlet atau pemain tempatan – sesi latihan pada setiap hari – berdasarkan pengalaman sewaktu mewakili negara – mampu mengesan kelemahan barisan pelapis – memperbaiki mutu sukan tanah air – setaraf dengan atlet sukan luar negara – kesannya dapat membentuk pasukan yang mantap – setaraf dengan pasukan yang gah di mata dunia-contohnya Zainal Abidin Hassan-bekas pemain bola sepak kebangsaan - memiliki pemahaman luas mengenai bola sepak tempatan.

## 3. Mudah berkomunikasi dengan atlet atau pemain

Penggunaan bahasa melayu – atlet atau pemain dapat memahami arahan – isyarat permainan yang diberikan oleh jurulatih – sesi latihan atau pertandingan – mudah berkomunikasi antara satu sama lain – kesannya dapat menjelaskan idea dengan jelasnya – pemain dapat menerapkan dalam perlawanan yang sebenar- contohnya jurulatih hoki kebangsaan memberikan arahan dalam bahasa melayu – untuk melakukan serangan – bertahan dalam serangan- tegasnya komunikasi lancar – membantu jurulatih menyampaikan arahan kepada anak didiknya dengan lebih berkesan

## 4. lebih memahami situasi yang dihadapi oleh atlet atau pemain

Jurulatih tempatan memiliki pengalaman yang luas – kelebihan mengetahui selok-belok permainan – lebih memahami kehendak – keperluan- masalah yang membelenggu anak didik – dapat mengesan dengan kadar segera – atlet atau pemain menghadapi tekanan – emosi mahupun fizikal – contohnya jurulatih bola sepak Cheng Hoe- tidak berdepan masalah untuk menghimpunkan pemain terbaik – mengharungi temasya bola sepak terbesar di Asia Tenggara.

## 5. hubungan baik pihak pengurusan sukan

sudah mengenali pihak atasan – pada peringkat negeri dan kebangsaan – hubungan ini amat diperlukan oleh jurulatih tempatan – membolehkan urusan pentadbiran dan kewangan sukan negara berjalan dengan lancarnya – kesannya kewangan ahli sukan dapat distabilkan semula – menumpukan sepenuh perhatian terhadap latihan atau kejohanan- contohnya isu pembayaran gaji dan elaun kepada ahli sukan – diselesaikan dengan efisien- tegasnya hubungan yang terjalin – memudahkan jurulatih tempatan berbincang secara berhemah – mengurus ahli sukan tanah air.

Penutup

banyak kejayaan digapai – membuktikan kredibiliti – tidak ragu-ragu – memberi kepercayaan dan peluang kemahiran – disalurkan kepada pemain muda

ungkapan menarik: duduk sama rendah, berdiri sama tinggi, sudah terang lagi bersuluh – bagai aur dengan tebing – membuka mata

**SOALAN 2**

Pendahuluan

Kerjaya merupakan pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang untuk mencari pendapatan - kebiasaannya kerjaya yang dipilih merupakan sesuatu yang diimpikan oleh seseorang-membuat perancangan untuk memilih kerjaya yang diidamkan – sesuai dengan minat dan kemampuan akademik yang dimiliki.

Isi-isi penting

1. cita-cita kecil - biasanya lahir daripada pemerhatian atau setelah menonton cerita yang mereka sukai.
2. pemilihan mata pelajaran di sekolah – penentuan semasa berada dalam tingkatan 4 – mata pelajaran yang dipilih akan menjuruskan murid kepada kerjaya masa depan mereka – akan cemerlang dalam peperiksaan – contoh murid aliran sains akan berpeluang menjadi jurutera.
3. sokongan dan doa ibu bapa – menjadi pendorong utama anak-anak – restu ibu bapa menjadi sokongan kuat untuk berusaha mencapai kerjaya yang diidamkan – ibu bapa melengkapkan anak-anak dengan kemudahan dan bantuan kewangan bagi mencapai hasrat tersebut.
4. tokoh atau idola yang menjadi pujaan – sebagai dorongan untuk berjaya – tokoh yang dipilih biasanya mereka yang berjaya dan unik – tokoh dijadikan sebagai motivasi untuk mencapai kerjaya yang bakal diceburi – mempengaruhi minda dan usaha untuk berjaya dalam kehidupan.
5. keputusan peperiksaan akhir yang dimiliki – dapat menjadi pedoman kerjaya yang dimiliki – belajar bersungguh-sungguh bagi memudahkan untuk memasuki menara gading – apabila telah mendapat ijazah, lebih mudah memilih kerjaya yang diminati sesuai dengan kelulusan.

Penutup

kerjaya yang dipilih akan membolehkan seseorang individu membina kehidupan baharu – akan menentukan masa hadapan mereka – seseorang perlu yakin dengan kerjaya yang diceburinya. Kejayaan bukan datang dalam sekelip mata – ketekunan dan istiqomah serta doa amat penting dalam menjamin kerjaya masa hadapan.

**SOALAN 3 (KARANGAN BERFORMAT)**Format ceramah

## A. Pendahuluan

Dimulakan dengan pembukaan kata yang berupa **kata alu-aluan** kepada hadirin mengikut protokol dan tingkat kedudukan masing-masing serta **menyatakan isu ceramah**.

## B. Kata-kata penghadapan majlis

Ditulis berselang seli antara satu atau dua perenggan untuk menarik perhatian pendengar terhadap ceramah yang disampaikan.

## C. Isi

Dimulakan dengan **menjelaskan isu ceramah** dan seterusnya **hujah-hujah** bagi menyokong tajuk ceramah.

## D. Penutup

Dimulakan dengan kata-kata yang dapat membayangkan bahawa syarahan akan **berakhir** serta menyatakan ucapan terima kasih.

Skema JawapanPendahuluan

kata alu-aluan kepada hadirin mengikut protokol – ucapan tahniah – program yang amat bermanfaat – memacu minat murid-murid terhadap TVET – mengubah paradigma murid-murid terhadap kerjaya mereka pada masa hadapan.

#### Isi-isi penting

1. dapat menyediakan latihan dan kemahiran teknikal di institusi pendidikan awam – didedahkan dengan latihan dan kemahiran teknikal – melengkapi diri mereka dengan kemahiran terkini
2. murid-murid lepasan SPM juga dapat memilih pelbagai kursus kemahiran – disokong kerajaan – mengharmonikan sistem akreditasi – menjalinkan rantaian pemasaran yang kukuh kepada pelanggan mereka.
3. setiap institusi pendidikan dan latihan TVET perlu bekerjasama dengan universiti serta agensi inovasi untuk memperkenalkan teknologi baharu yang dapat di manfaatkan oleh industri – kerjasama pintar – menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri.

#### Penutup

-banyak usaha telah dijalankan untuk membantu pelajar lepasan TVET – menajakan pendapatan lumayan – semua pihak perlu bekerjasama – memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi – ucapan terima kasih.

### **SOALAN 4**

#### Pendahuluan

Pelbagai cabaran untuk merebut peluang dalam pasaran kerjaya – peluang terbuka luas – setiap individu perlu merebut peluang – sesuatu kerjaya ditawarkan menjadi rebutan – persaingan yang cukup sengit – setiap individu harus melengkapkan diri masing-masing menempuh alam kerjaya.

#### Isi-isi penting

1. mempunyai kelayakan akademik yang tertinggi – sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan diploma – berkaitan dalam bidang yang diminati – selaras dengan kehendak pasaran kerjaya semasa – memiliki pengetahuan yang tinggi dalam sesuatu bidang dapat menambah keyakinan diri – tidak perlu menghadiri latihan atau kursus.
2. memiliki kemahiran berkomunikasi – kemahiran berucap, kemahiran mendengar, dan kemahiran mempengaruhi orang lain – dapat menangani karenah majikan dan pelanggan – membolehkan mereka berurusan dengan lebih selesa.
3. pengalaman kerja dalam bidang kerjaya yang diceburi – kelebihan apabila menghadiri sesi temu duga – pengalaman dalam perhubungan dengan pelanggan, pengurusan dan pentadbiran perniagaan, bidang pemasaran dan pengurusan kewangan – menjadi nilai tambah kepada kelayakan akademik yang dimiliki.
4. mempunyai ketahanan fizikal dan mental – berupaya melaksanakan tugas dengan sempurnanya – dapat menyelesaikan segala cabaran yang mendatang semasa menjalankan tugas – bijak membuat keputusan – satu aset menuju ke alam kerjaya bagi setiap individu – mampu bersaing dengan orang lain.
5. menguasai pelbagai bahasa utama dunia – termasuklah bahasa Inggeris, bahasa Jepun dan bahasa Jerman – bahasa Inggeris menjadi bahasa perhubungan yang digunakan di seluruh dunia – keupayaan bertutur dalam pelbagai bahasa dapat meningkatkan keyakinan diri.

#### Penutup

Setiap individu perlu melakukan pelbagai persediaan yang lengkap dari segi mental, fizikal dan kelayakan yang ditetapkan sesuatu tawaran kerjaya – untuk melorongkan diri ke alam kerjaya yang menjadi idaman – persediaan dapat diperolehi melalui pengalaman, pengajian secara formal atau tidak formal.

## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

### **TEMA : POLITIK DAN PENTADBIRAN**

#### **BAHAGIAN A (30 Markah)**

##### **Ciri-ciri Pemimpin**

1. Pemimpin mestilah seorang yang prihatin, bijak dan berkebolehan membuat keputusan sebelum bertindak dengan menilai antara yang baik dan buruk berdasarkan pertimbangan ilmu dan pengalaman.
2. Keberanian atau kesungguhan, kesanggupan menghadapi cabaran dan masalah risiko dalam melaksanakan tugas.
3. Mempunyai inisiatif untuk membantu memajukan masyarakat
5. Seorang yang memiliki wawasan yang jelas untuk organisasinya
5. Seorang yang berfikiran luas

#### **BAHAGIAN B (70 Markah)**

##### **SOALAN 1 : DOMAIN AWAM**

Format : Rencana  
Cadangan jawapan

##### **Usaha-Usaha Membanteras Gejala Rasuah (Rencana)**

1. Penguatkuasaan undang-undang (mengenakan tindakan undang-undang yang lebih berat kepada pesalah-pesalah rasuah)
2. Penerapan nilai murni di sekolah (Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral)
3. Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
4. Didikan agama yang sempurna daripada ibu bapa dan keluarga sejak dari kecil
5. Mengadakan kempen kesedaran

##### **SOALAN 2 : DOMAIN PERIBADI**

Format : Tiada  
Cadangan jawapan

##### **Persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja untuk merealisasikan cabaran untuk masa depan negara**

1. Memperlengkapkan diri sebagai remaja yang beriman dan bertakwa
2. Membina jati diri remaja (bersedia memperlengkap diri dengan fizikal, mental, emosi, dan sahsiah yang sempurna)

3. Memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang luas
4. Mengenal pasti potensi diri untuk kebaikan negara
5. Membuktikan rasa sayang dan cinta akan negara

### **SOALAN 3: DOMAIN PENDIDIKAN**

Format : Tiada

Cadangan jawapan

**Langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar**

1. Menganjurkan program-program menarik semasa sambutan Hari Kebangsaan
2. Menyertai program kenegaraan
2. Pihak sekolah bertindak tegas terhadap pelajar yang tidak menghormati lagu Negaraku
3. Menjemput tokoh-tokoh yang terlibat mempertahankan negara untuk memberikan ceramah
4. Mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat bersejarah dalam negara
5. Memberikan tugas projek atau kerja lapangan berkaitan tugas sejarah
6. Ibu bapa turut memainkan peranan menanam semangat patriotisme dalam diri anak-anak sejak kecil.

### **SOALAN 4: DOMAIN KERJAYA**

Format : Tiada

Cadangan jawapan

**Kesan-kesan sekiranya penjawat awam tidak mematuhi dasar dan amalan yang terkandung dalam Tonggak 12.**

1. Berlaku ketidakadilan dalam masyarakat (golongan miskin/ sederhana ditindas)
2. Menjejaskan imej negara (nama negara akan tercemar di mata dunia)
3. Mengancam keselamatan rakyat dan negara
4. Melemahkan sistem pemerintahan (lahir pemimpin yang tidak berkualiti dan memntingkan diri sendiri)
5. Menghancurkan sesebuah negara

## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

### **TEMA INTEGRITI**

#### **Bahagian A**

##### **Pendahuluan**

Integriti – kejujuran atau keadaan sempurna dan utuh (Kamus Dewan Bahasa Keempat) – dewasa ini, banyak berlaku kes jenayah Kolar Putih dan Kolar Biru – hal ini membimbangkan kerana jenayah ini mendatangkan kesan negatif terhadap pentadbiran dan pembangunan negara – maka nilai integriti haruslah diberi penekanan dalam diri masyarakat – terdapat beberapa kepentingan integriti dalam kalangan masyarakat.

##### **Cadangan isi (Kepentingan Amalan Integriti)**

1. Dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan – tiada ketirisan dan penyelewengan berlaku – segala perancangan berjalan lancar dan menepati piawaian – matlamat pembangunan negara dapat dicapai
2. Mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin – segala urusan pelanggan/rakyat menjadi lebih mudah – mengelakkan birokrasi yang menjejaskan kualiti sesuatu perkhidmatan awam – aduan-aduan/ masalah rakyat diambil tindakan yang sewajarnya
3. Hidup akan dipandang mulia – sikap jujur yang diamalkan akan mencerminkan keperibadian mulia seseorang individu dan tidak akan menjejaskan pangkat mereka – ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya – pekerja lebih dihormati oleh masyarakat – hidup lebih diberkati dan tenang
4. Mengelakkan seseorang individu daripada melakukan sesuatu perkara yang tidak jujur seperti rasuah, tuntutan palsu dan salah guna kuasa terutama dalam melaksanakan sesuatu tugas – rakyat Malaysia sudah dididik dengan ajaran agama dan moral sejak kecil – hal ini menjadi benteng diri daripada perkara negatif – dengan prinsip integrity yang kukuh dalam diri, tidak berlaku penipuan dalam urusan kerja

##### **Kesimpulan**

Semua pihak terutama kerajaan haruslah bekerjasama dalam menangani isu integriti ini dengan menguatkuasakan undang-undang - berat sama dipikul, ringan sama dijinjing – jika nilai integriti menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat, negara Malaysia akan lebih membangun dan setanding dengan negara-negara maju – taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan dan kemakmuran negara dapat dilestarikan.

**BAHAGIAN B****SOALAN 1****Tulis rencana yang bertajuk ‘Kesan-Kesan Amalan Pecah Amanah’****CADANGAN ISI:**

Maruah diri dan keluarga tercalar – amalan pecah amanah ialah perbuatan yang hina dan dikeji oleh masyarakat – orang yang terlibat dengan perbuatan pecah amanah akan menyebabkan hilang maruah diri dan menjadi bahan cacian serta buah mulut orang ramai – hal ini kerana, perbuatan pecah amanah itu menyusahkan orang ramai – ahli keluarga akan mendapat malu dan memberikan tekanan emosi kepada mereka – tekanan yang melampau boleh menyebabkan masalah kemurungan terhadap keluarga terutamanya isteri dan anak-anak sehinggakan mereka tidak mampu meneruskan kehidupan dengan baik – kerana nila setitik, rosak susu sebelanga – maka jelaslah bahawa perbuatan pecah amanah akan memburukkan nama baik seseorang dan keluarganya serta menjejaskan masa depannya.

Pecah amanah mampu melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi kerana timbul unsur penipuan dalam urusan – sebagai contoh, pegawai kastam yang bertugas di persempadanan negara menerima sogokan untuk melepaskan seludupan rokok murah – situasi ini berlaku kerana mereka inginkan imbuhan yang lebih dek kerana gaji yang rendah – maka dapat dilihat bahawa organisasi yang sepatutnya menghalang aktiviti penyeludupan barang haram ini telah merugikan negara sebenarnya kerana barang tersebut terlepas daripada terkena cukai yang menjadi sumber pendapatan negara – bak kata peribahasa, harapkan pegar, pegar makan padi kerana seseorang yang diberikan amanah telah mengkhianati tanggungjawabnya dalam melaksanakan amanah tersebut – Sekiranya perbuatan pecah amanah berleluasa, pentadbiran negara secara keseluruhannya akan terjejas – segala dasar dan penguatkuasaan menjadi lemah – pelaksanaan undang-undang tidak dapat dijalankan secara adil dan boleh menumbangkan ekonomi negara secara amnya.

Pada masa yang sama, pecah amanah akan menjatuhkan imej negara di mata dunia – kemajuan media massa yang menjadi sumber maklumat mengenai segala perkara atau isu yang berlaku dalam sesebuah negara mampu menjadi punca kejatuhan ekonomi negara tersebut – jadi negara seharusnya memastikan tiada kes pecah amanah agar tidak menjadi bahan berita kepada media internasional yang melaporkan berita kepada penonton mereka di seluruh dunia – sekiranya kita terpalit dengan isu pecah amanah, pelabur-pelabur asing akan hilang minat terhadap negara kita kerana mereka tidak percaya akan sistem pentadbiran kita – apabila kehilangan pelabur, maka ekonomi negara akan merosot dan lembab bak peribahasa sudah jatuh ditimpa tangga – oleh itu



pihak kerajaan bersama-sama dengan SPRM perlu memastikan setiap penjawat awam menjalankan tugas dengan penuh amanah dan terhindar daripada perbuatan pecah amanah.

Amalan pecah amanah yang mengaburi mata hati seseorang juga akan membawa kepada kualiti sesuatu infrastruktur atau program pembangunan terjejas – contohnya dalam projek pembinaan jalan raya yang berlaku pecah amanah yang melibatkan kontraktor – mereka hanya mengejar keuntungan dengan menerima projek daripada kerajaan pada nilai pelaksanaan tertinggi tetapi hakikatnya mereka membina jalan raya pada kos yang paling minima demi mengaut keuntungan – perkara seperti inilah yang menyebabkan jalan raya rosak hanya dalam setahun – hal ini menjejaskan pengguna atau rakyat dan berlaku pembaziran di peringkat pihak berkuasa tempatan kerana terpaksa membaiki pulih jalan raya – hal ini hendaklah dielakkan oleh semua pihak kerana ketelusan dalam pekerjaan kita akan memberikan keuntungan bukan sahaja kepada kita tetapi juga kepada masyarakat.

## SOALAN 2

**Peranan individu untuk memerangi amalan rasuah dalam kalangan masyarakat.**

### CADANGAN ISI:

Setiap individu perlu menanamkan perasaan benci akan amalan rasuah – individu harus sedar amalan ini perbuatan yang berdosa dan dilarang keras dalam agama – rasuah mendatangkan banyak keburukan bukan sahaja kepada diri sendiri malahan masyarakat dan juga negara – amalan rasuah yang berleluasa akan memusnahkan nilai-nilai murni dalam diri seseorang dan mendorong sifat tamak serta sanggup melakukan apa-apa sahaja demi kepentingan diri – perlu disedari, kepincangan dalam masyarakat harus ditangani dari peringkat awal iaitu diri sendiri agar tidak berlaku penyesalan bak kata peribahasa sesal dahulu kemudian, sesal kemudian tidak berguna – jelaslah bahawa kesedaran dalam diri individu untuk membenci amalan rasuah amatlah perlu untuk menghindari jenayah tersebut.

Setiap individu harus berani melaporkan perbuatan rasuah jika mengetahuinya – hal ini demikian kerana sikap tidak mahu ambil peduli serta takut ditimpa masalah menyebabkan pelaku rasuah semakin berani bertindak dan bermaharajalela – dengan laporan tersebut, pihak berkuasa umpamanya SPRM dapat mengambil tindakan dengan pantas - tidak perlu takut untuk melaporkan perbuatan rasuah kerana kita dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 – maka, perkara ini akan memberi kesedaran kepada orang lain agar tidak terlibat dengan rasuah dan pentadbiran negara akan semakin telus dan lancar – pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik – jelaslah bahawa tindakan individu melaporkan perbuatan rasuah kepada pihak berkuasa mampu mengekang jenayah ini daripada terus berakar umbi dalam masyarakat.

Setiap individu disarankan untuk mendalami ilmu agama agar tidak tergodanya oleh rasuah – ilmu agama yang kukuh membentuk peribadi mulia dan menjadi benteng diri daripada perkara-perkara negatif seperti rasuah – antara usaha yang boleh dilakukan adalah menghadiri ceramah-ceramah agama, mendengar kuliah agama dan mendekatkan diri dengan orang yang kuat pegangan agamanya – berkawan dengan penjual minyak wangi akan mendapat baunya, berkawan dengan tukang besi akan terasa bahang dan bau busuknya – tidak dinafikan lagi bahawa keutuhan pegangan agama seseorang individu mampu mencegah seseorang daripada mengambil rasuah.

Individu yang sudah bergelar ibu bapa pula berperanan memberikan pendedahan awal kepada anak-anak tentang jenayah rasuah ini – hal ini memberi kefahaman kepada

anak-anak tentang definisi rasuah dan cara rasuah berlaku – ibu bapa perlu menekankan keburukan perbuatan rasuah kepada anak-anak – anak-anak akan lebih bersedia dan mempunyai pendinding diri untuk mengatakan tidak kepada rasuah – selain itu, penekanan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka juga harus dipraktikkan selalu – melentur buluh biarlah daripada rebungunya – terbuktiilah individu yang bergelar ibu bapa mampu membendung jenayah rasuah dari peringkat akar umbi dengan cara mendidik anak-anak untuk menolak rasuah dalam kehidupan mereka.

### SOALAN 3

**Bincangkan kepentingan-kepentingan penerapan nilai integriti di peringkat sekolah.**

#### CADANGAN ISI:

Melahirkan pemimpin pelajar yang bertanggungjawab – para pemimpin pelajar yang diterapkan dengan nilai integriti akan melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin – mereka tidak akan culas dan mengambil tindakan yang sewajarnya biarpun pelajar yang melakukan kesalahan itu rakan baik mereka sendiri – hal ini akan membolehkan segala perancangan program dan aktiviti sekolah berjalan dengan lancar dan jayanya – belakang parang lagi diasah lagi tajam – pelajar lain akan menghormati pemimpin pelajar kerana integriti yang ditunjukkan oleh mereka seterusnya menjadikan mereka contoh teladan untuk menjadi pelajar yang baik – maka jelaslah bahawa nilai integriti yang diterapkan di sekolah mampu melahirkan pemimpin pelajar yang berwibawa dan boleh diharapkan.

Melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri yang kukuh dan berakhlak mulia – subjek-subjek tertentu seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kenegaraan menerapkan nilai-nilai murni termasuklah integriti kepada pelajar – penekanan nilai-nilai murni ini membentuk jati diri dan kukuh – pelajar akan lebih berdisiplin, patuh kepada guru saling menghormati dan sayang-menyayangi antara satu sama lain – persekitaran sekolah akan lebih kondusif dengan budaya positif yang diamalkan – segala perancangan sekolah berjalan lancar tanpa sebarang masalah – akan melahirkan pelajar yang berjaya di dunia, bahagia di akhirat – terbuktiilah bahawa penerapan nilai integriti di sekolah membentuk pelajar yang berakhlak mulia dan utuh jati dirinya

Meningkatkan prestasi akademik dan kokurikulum sesebuah sekolah – pelajar yang berintegriti akan sentiasa faham dan ingat akan tanggungjawabnya iaitu belajar dengan tekun untuk mencapai keputusan cemerlang dalam kurikulum mahupun kokurikulum – sikap sebegini pastinya memangkinkan kecemerlangan sesebuah sekolah – bilangan pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang akan meningkat sekaligus menaikkan nama sekolah berkenaan – sekolah juga akan mendapat banyak pencapaian dalam kokurikulum kerana pelajar yang berintegriti akan berusaha bersungguh-sungguh dalam apa juga pertandingan yang disertai – hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih – tegasnya, jika pelajar benar-benar menghayati nilai integriti, sesebuah sekolah itu pasti menjadi sekolah yang hebat dan cemerlang.

Melahirkan insan yang berintegriti pada masa hadapan – pelajar yang ditekankan dengan nilai integriti sejak bangku sekolah akan menjadi manusia yang bertanggungjawab, jujur dan amanah – maka, pendidikan di sekolah dapat melahirkan masyarakat yang bersahsiah tinggi pada masa hadapan sama ada dalam kehidupan

seharian mahupun dalam pekerjaan mereka – jika memegang sesuatu jawatan penting pun, mereka akan melaksanakan tugas dengan baik dan menolak sebarang unsur rasuah atau penyelewengan – jentera pentadbiran sesebuah organisasi contohnya badan kerajaan akan dapat beroperasi dengan lancar dan mencapai matlamat organisasi – hasilnya kemaslahatan umum dapat direalisasikan demi membangunkan negara Malaysia – Sudah terang lagi bersuluh, penerapan nilai integriti di peringkat sekolah dapat menjadikan rakyat Malaysia yang mulia budi pekertinya.

#### **SOALAN 4**

**Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk melahirkan pekerja yang berintegriti.**

#### **CADANGAN ISI:**

Pekerja diwajibkan menghadiri kursus integriti yang dianjurkan oleh organisasi – dalam kursus tersebut, pekerja diterangkan tentang skop kerja mereka berserta peraturan-peraturan yang seharusnya dipatuhi – pekerja akan benar-benar faham akan tugas mereka dan mengetahui perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan – dalam kursus tersebut, boleh diselitkan slot kerohanian/ agama untuk meningkatkan lagi kesedaran dan keinsafan diri masing-masing agar mereka bertekad tidak melakukan dosa atau salah laku dalam pekerjaan – kesannya, setiap pekerja akan bekerja dengan amanah dan hal ini melancarkan segala urusan sesebuah organisasi – hak-hak masyarakat contohnya menerima bantuan dan pembangunan yang sewajarnya juga dapat disampaikan serta dilaksanakan dengan baik – tidak dinafikan lagi, kursus integriti sangat penting sebagai peringatan awal kepada setiap pekerja akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh mereka dengan amanah.

Penguatkuasaan undang-undang – sebarang salah laku atau penyelewengan haruslah dilaporkan kepada pihak berwajib contohnya SPRM agar tindakan dapat diambil terhadap pesalah – Hukuman yang berat wajar dikenakan terhadap pekerja yang tidak berintegriti contohnya dikenakan kompaun atau diberhentikan kerja jika kesalahannya berat – malah sesetengah kesalahan seperti menerima rasuah termasuk dalam kategori jenayah yang boleh dikenakan hukuman penjara – undang-undang dan hukuman yang berkaitan dengan isu rasuah seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) – dengan penguatkuasaan undang-undang, ini akan menjadi peringatan kepada semua orang agar mengambil iktibar dan lebih bertanggungjawab dalam pekerjaan mereka – kesannya, semua pekerja akan berhati-hati dan menolak sebarang unsur rasuah kerana memikirkan kesan buruknya terhadap diri dan keluarga mereka.

Menggunakan sistem pemantauan canggih seperti penggunaan kad perakam waktu dan CCTV – dengan penggunaan kad perakam waktu, setiap pekerja akan terlatih untuk datang awal ke tempat kerja dan balik ke rumah mengikut waktu kerja yang ditetapkan – Pekerja yang sering datang lewat ke tempat kerja bolehlah dipanggil oleh pihak pengurusan organisasi bagi menyelidiki masalah pekerja tersebut dan memikirkan langkah penyelesaiannya – Pekerja juga manusia biasa yang berhadapan dengan masalah – Oleh itu pihak majikan haruslah memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap pekerja yang bermasalah dengan menyelidiki punca mereka lewat hadir serta membincangkan langkah penyelesaian terbaik untuk kebaikan kedua-dua belah pihak

– penggunaan kamera litar tertutup CCTV pula dapat memantau dan mengesan pelaksanaan kerja para pekerja – Jika berlaku kes kecurian/ kehilangan barang, CCTV boleh dirujuk untuk mengesan pelaku – pekerja yang malas atau tidak berkerja dengan baik juga dapat dikesan melalui rakaman CCTV – maka terbukti, penggunaan sistem pemantauan yang canggih dapat memastikan para pekerja mementingkan integriti. Penekanan nilai integriti di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi – Golongan belia terutamanya pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang menjadi pewaris masa depan negara harus diterapkan dan ditekankan dengan nilai integrity – Kelompok ini perlu memastikan integriti menjadi perisai hidup mereka – Kesan daripada penerapan nilai tersebut dalam diri masing-masing, mereka pasti membenci rasuah dan menolak segala jenis penyelewengan mahupun salah guna kuasa – Dengan ini apabila mereka memasuki pasaran kerja dan berhadapan dengan masyarakat dalam dunia kehidupan yang sebenar, mereka mampu menjadi anggota masyarakat, pekerja dan pemimpin yang mempunyai nilai-nilai integriti yang terpuji – Akhirnya kita mampu mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas rasuah dan penyelewengan – Dalam konteks ini pihak IPT wajar melaksanakan pelbagai program berbentuk kesedaran secara berterusan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan kebencian golongan pelajar terhadap rasuah – jelaslah bahawa penerapan nilai integriti sejak di peringkat sekolah adalah salah satu inisiatif yang berkesan untuk melahirkan pekerja berintegriti.

## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

### **SKEMA JAWAPAN**

#### **BAHAGIAN A**

##### Pendahuluan

Karangan berformat-surat kiriman rasmi.

##### Isi-isi penting

1. Menyuarakan masalah gangguan bekalan air di kawasan tempat tinggal. Menyatakan kesusahan penduduk yang terpaksa mendapatkan bekalan air yang jauh dari rumah.
2. Mencadangkan kepada pihak syarikat yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus air supaya mempertingkatkan sistem bekalan air.
3. Pihak syarikat yang membekalkan air hendaklah meletakkan telaga tiup yang dapat menampung keperluan penduduk.

##### Penutup

Pihak berkuasa dan syarikat yang membekalkan air sentiasa membuat penambahbaikan sistem pengurusan air.

#### **BAHAGIAN B**

##### **SOALAN 1 (DOMAIN AWAM)**

##### Pendahuluan

Definisi kitar semula- 3 warna tong kitar semula-program kitar semula perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak seawal usia 6 tahun di bangku prasekolah. Terdapat pelbagai kesan buruk sekiranya kitar semula tidak dilaksanakan.

##### Isi-isi penting

1. Penyakit berjangkit bawaan tikus, lipas dan lalat akan merebak – persekitaran menjadi tidak bersih.
2. Masyarakat akan tinggal dalam suasana yang tidak selesa dan bersih – jumlah tapak pelupusan sampah akan meningkat.

3. Generasi akan datang tidak akan dapat melihat kehijauan hutan dan keindahan laut– hutan akan digondolkan – haiwan akuatik akan mati akibat ancaman sampah yang terapung di laut dan sungai.

### Penutup

Pelbagai pihak perlu meningkatkan kempen kitar semula – menjaga alam sekitar agar terus terpelihara – masa depan generasi akan datang yang akan memimpin negara dan dunia – sebelum nasi menjadi bubur.

## **SOALAN 2 (DOMAIN PERIBADI)**

### Pendahuluan

Karangan berformat-rencana-tajuk rencana dan nama penulis-Sambutan Hari Alam Sekitar pada 5 Jun setiap tahun. -mempertingkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar – mempertingkatkan tindakan dan penglibatan masyarakat terhadap sebarang perubahan yang berlaku kepada alam sekitar.

### Isi-isi penting

1. Melaksanakan kempen secara konsisten. Sambutan Hari Alam Sekitar untuk memelihara dan memulihara alam sekitar sejagat.
  - Peranan media massa, media elektronik dan media sosial.
  - Menyebarkan kempen memelihara dan memulihara alam sekitar.
2. Menjalankan aktiviti pembersihan dan penanaman tumbuh-tumbuhan hijau di kawasan kediaman – kepentingan pokok terhadap alam sekitar umpama aur dengan tebing. Alam sekitar yang hijau memberikan udara yang nyaman dan segar- menghijaukan alam sekitar – mengamalkan kitar semula.
3. Penggubalan Akta Perlindungan Alam Sekitar. Menangani krisis alam sekitar – menangani krisis alam sekitar. Masyarakat bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Membawa beg kitar semula ketika membeli barang di kedai. Menguatkuasa undang-undang yang lebih tegas terhadap pencemar alam sekitar.

### Penutup

Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar – memberikan nilai yang berharga ke arah pembangunan serta peningkatan kualiti hidup – perlu seiring dan seimbang – pembangunan mampan sebagai formula paling berkesan untuk menyeimbangkan kedua-keduanya – mengekalkan alam semula jadi.

## **SOALAN 3 (DOMAIN PENDIDIKAN)**

### Pendahuluan

Hutan di Malaysia ialah khazanah alam yang sangat penting – hutan penting untuk warisan generasi akan datang.

Isi-isi penting

1. Khazanah hutan wajar dipulihara untuk mengelakkan bencana alam. – kawasan hutan berpotensi untuk dimanfaatkan – pembangunan secara tidak terkawal tanpa mengambil kira struktur dan kedudukan tanah bakal mengundang bencana alam.
2. Khazanah hutan juga perlu dipulihara agar dapat menjaga kelestarian dan kemandirian spesies flora dan fauna. – kemusnahan dan kerosakan alam sekitar untuk pelbagai tujuan boleh dianggap sebagai pembunuhan secara tidak langsung terhadap manusia, flora, fauna dan kehidupan lain yang terkesan.
3. Memulihara khazanah hutan juga merupakan signifikan untuk menjaga kemaslahatan manusia. – kekurangan tumbuh-tumbuhan turut menggugat keseimbangan oksigen – khazanah hutan perlu dipulihara demi kelangsungan kehidupan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Penutup

Semua pihak hendaklah bekerjasama dan menggembeleng tenaga untuk memulihara khazanah hutan agar tidak pupus – perlu diberi perhatian untuk menyelesaikan isu tentang khazanah hutan. – kelestarian hutan perlu menjadi agenda kepada semua kerajaan negeri.

**SOALAN 4 (DOMAIN KERJAYA)**Pendahuluan

Generasi muda yang terlibat dalam sektor pertanian dan penternakan didapati lebih meminati bidang keusahawanan dan memasarkan produk – lebih kreatif untuk memasarkan produk-produk pertanian – platform e-dagang dan media sosial – penglibatan generasi muda dalam sektor pertanian sebagai pelapis generasi petani sedia ada.

Isi-isi penting

1. Bantuan geran sebagai galakan kepada generasi muda – membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan sektor pertanian – membantu golongan muda sama ada untuk memulakan projek pertanian baharu atau untuk mengembangkan projek sedia ada.
2. Pelbagai pakej pembiayaan kepada generasi muda untuk menjalankan perniagaan berasaskan sektor pertanian – berupaya untuk menjanakan pendapatan bulanan mencecah jutaan ringgit – jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. – memberikan bimbingan kepada para usahawan menerusi penganjuran pelbagai kursus.
3. Khidmat nasihat teknikal dan latihan – menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya – mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor pertanian – industri yang berdaya maju – meningkatkan pendapatan usahawan tani muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.

Penutup

Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar untuk membangunkan sektor pertanian – jaminan bekalan makanan tidak berkurang – penglibatan belia dalam sektor pertanian, penternakan dan industri asas tani dapat mengurangkan pengangguran – menjanakan pendapatan bukan sahaja kepada diri sendiri malah kepada negara.

## SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

### TEMA: PELANCONGAN

#### Cadangan Jawapan Bahagian A

**Format :** Tidak berformat

**Pendahuluan :** Pelancongan di Malaysia

**Isi:**

Faedah melancong dalam negara

Dapat berehat dan menenangkan minda dengan menikmati keindahan alam semula jadi.

Kos pengangkutan dan penginapan yang berpatutan.

Dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

**Penutup :** Harapan terhadap potensi pelancongan di Malaysia

**Cadangan isi tambahan:**

Dapat mengisi masa bersama keluarga.

Meluaskan horizon pemikiran kerana jauh perjalanan luas pandangan.

#### Cadangan Jawapan Bahagian B

**Soalan 1 :** Domain Awam

Karangan : Pendapat

**Pendahuluan :**

**Isi-isi penting :**

pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat pelancong asing – program inap desa – konsep pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, *agropelancongan*, *ekopelancongan* dan seumpamanya hendaklah dikembangkan – memperkenalkan pelancongan semasa musim buah-buahan seperti musim durian, manggis, langsung, dan sebagainya – biasanya pelancong luar mahu melihat sesuatu yang tidak ada di negara mereka – kita harus mengambil peluang untuk memperkenalkan keunikan negara ini dengan mengetengahkan budaya hidup dan kesenian masyarakat tempatan – pelancong wajar dibawa untuk tinggal bersama-sama masyarakat luar bandar dan mendalami cara hidup mereka.



**kerajaan wajar menganjurkan karnival pelancongan di seluruh pelosok dunia** – karnival pelancongan ialah kaedah yang berkesan untuk memperkenalkan negara kita sebagai destinasi pelancongan – memperkenalkan tempat-tempat menarik, makanan yang pelbagai, dan juga kebudayaan masyarakat pelbagai kaum – karnival ini juga wajar menyediakan *pakej-pakej pelancongan yang kompetitif* kepada masyarakat antarabangsa – karnival seperti ini hendaklah diadakan di seluruh dunia.

**kerajaan wajar menganjurkan pelbagai acara antarabangsa dengan lebih kerap** – penganjuran acara sukan antarabangsa seperti “*Monsoon Cup*”, perlumbaan Formula 1, kejohanan badminton, dan seumpamanya merupakan acara yang sangat mendapat perhatian peminat antarabangsa – dalam bidang seni pula, negara kita menjadi tuan rumah kepada beberapa acara antarabangsa, contohnya Festival Muzik Dunia yang diadakan di Sarawak pada setiap tahun. Kemampuan negara untuk menganjurkan acara antarabangsa memang terbukti kejayaannya, bak kata pepatah *duduk sama rendah, berdiri sama tinggi* dengan negara-negara lain di dunia – dengan cara ini, lebih ramai pelancong akan mengunjungi negara ini bukan sahaja untuk melibatkan diri dalam acara-acara yang dianjurkan, malahan untuk melawat ke tempat-tempat menarik di negara kita, bak kata peribahasa *sambil menyelam minum air*.

**mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lebih berkesan dan melibatkan lebih banyak penyertaan** – kempen ini dapat menggalakkan pelancong datang ke negara kita dengan lebih besar bilangannya – kempen ini menyediakan pelbagai acara untuk menarik minat pelancong datang ke negara ini – Misalnya, acara kebudayaan pelbagai kaum dipersembahkan untuk para pelancong – Selain badan-badan kerajaan, pihak swasta juga memikul tanggungjawab untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang kompetitif, bak kata pepatah *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing* – hotel-hotel, syarikat penerbangan, dan syarikat pengangkutan awam mestilah melibatkan diri untuk menjayakan kempen ini

**kerajaan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) wajar menyediakan maklumat lengkap tentang sesuatu destinasi menarik yang terdapat di negara ini** – hal ini dapat dilakukan sama ada menerusi media cetak seperti risalah, buku, poster, majalah, dan akhbar atau media elektronik seperti radio dan televisyen – mewujudkan halaman pelancongan dalam internet juga merupakan cara terbaik untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang wajar dikunjungi oleh pelancong asing.

**kerajaan wajar memperlengkap kemudahan pengangkutan dan komunikasi yang ada untuk memudahkan pelancong sampai ke destinasi yang akan dituju** – kemudahan pengangkutan dan perhubungan penting kerana pelancong yang berkunjung ke sesebuah negara ingin akan keselesaan dan ketenangan – Misalnya, banyak pelancong yang datang ke negara kita adalah untuk menikmati keindahan pulau dan pantai – oleh itu, kerajaan harus menambah kemudahan perkhidmatan bot atau feri dari tanah besar ke beberapa buah pulau di sekitar Laut China Selatan untuk memudahkan pelancong menikmati keindahan alam semula jadi.

### **Penutup:**

Intinya, semua pihak haruslah memainkan peranan dan bekerjasama bagi ‘aur dan tebing’ dalam merealisasikan modus operandi untuk memajukan pelancongan di negara kita. Pelancongan menjadi suatu bidang pelaburan bijak yang dapat memacu pertumbuhan industri-industri berkaitan yang lain yang kesemuanya berperanan sebagai wahana dalam pembangunan mega Malaysia menuju negara maju dalam abad ini - dari sudut komersial pelancongan,

peningkatan kunjungan pendatang luar ke negara ini dengan sendirinya dapat memakmurkan Malaysia di mata dunia luar.

## **Soalan 2 : Domain Peribadi**

**Karangan :** Pendapat

### **Pendahuluan :**

Maksud pelancongan Hijau- membawa erti peluang kepada pelancong tempatan dan luar negara menerokai landskap semula jadi Malaysia untuk menikmati udara yang bersih dan melihat kepelbagaian hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan.

Sebagai individu yang memiliki tanggungjawab , apakah ciri-ciri pelancong hijau.

### **Isi-isi penting:**

Memilih penginapan yang berkonsepkan hotel hijau yang diperakukan.

Membeli produk tempatan yang mesra alam , contohnya makanan organik.

Berjalan kaki, menggunakan basikal dan pengangkutan awam.

Berjimat dalam penggunaan air, elektrik, dan tenaga yang tidak boleh diperbaharui.

Mengurangkan penghasilan sampah-membawa atau membeli peralatan mesra alam seperti botol air pakai ulang, beg beli-belah dan penyedut minuman logam.

Mengambil tahu, menyokong, dan menyertai kegiatan setempat yang berkaitan dengan pelestarian alam sekitar, contohnya gotong royong, atau aktiviti yang dianjurkan oleh *Trash Hero*.

### **Penutup**

-Kesimpulannya, setiap individu yang ingin melancong haruslah mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan agar alam sekitar kekal terpelihara . Semua pelancong hijau haruslah mempunyai rasa tanggungjawab dan sayang akan alam sekitar . sekali gus kesejahteraan dan kedamaian alam sekitar akan terus terpelihara hingga generasi akan datang. Tokoh Norman Vincent Peale pernah berkata ubahlah diri anda , kerana anda mampu mengubah dunia.

## **Soalan 3 : Domain Pendidikan**

**Karangan :** Pendapat

### **Pendahuluan :**

- Sektor pelancongan di negara kita berkembang maju dan menjadi sumber pendapatan negara yang penting - menyebabkan tempat pelancongan di negara ini dibuka dengan banyak seperti cendawan selepas hujan -kerajaan telah menggerakkan semua agensinya untuk memastikan sektor pelancongan berkembang pesat sejajar dengan pembanguna negara yang pantas.

### **Isi-isi penting:**

pihak sekolah, perlulah memperkenalkan Malaysia kepada anak-anak murid melalui matapelajaran Geografi dan Sejarah- pihak sekolah juga bolehlah menganjurkan aktiviti seperti lawatan sambil belajar ke tempat pelancongan bersejarah agar pelajar-pelajar dapat menyelami ilmu pengetahuan secara mendalam.

Kelab pelancongan juga boleh ditubuhkan bagi memupuk dan menanam minat pelajar untuk melancong. Pihak sekolah dan kelab-kelab yang telah ditubuhkan boleh mengadakan lawatan sambil belajar dan pertandingan atau kuiz mengenai tempat pelancongan yang dilawati untuk lebih mendalami ilmu pengetahuan tentang tempat pelancongan tersebut.

Pihak sekolah menganjurkan pertandingan filem mengenai adat resam dan keistimewaan tempat pelancongan menarik untuk dilawati seperti di Sarawak dan Sabah boleh ditampilkan oleh pihak sekolah.

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran- guru subjek seperti subjek Bahasa Melayu menerangkan tempat-tempat menarik di Malaysia- murid menulis karangan berkaitan pelancongan di Malaysia- menambahkan ilmu dan menarik minat murid untuk melancong. pihak sekolah juga boleh manganjurkan aktiviti seperti lawatan sambil belajar dan pertandingan membuat folio tentang tempat pelancongan untuk mendalami ilmu pengetahuan pelajar tentang tempat pelancongan tersebut.

### **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

#### **LAMPIRAN**

